

SAMUDERA

WADAH MENGEMBANGKAN MINDA GENERASI BAHARU THE NAVY PEOPLE



**TLDL SIAGA
PERAIRAN TERPELIHARA**

EKS MALFRAN 2015

Manifestasi Kerjasama Malaysia/Perancis

PEROLEHAN LCS TLDL

Dimensi Baharu Keupayaan Operasi Maritim



SETTINGGI-TINGGI
TAHNIAH & TERIMA KASIH
TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
DI ATAS SEGALA PENGORBANAN MELINDUNGI DAN
MEMPERTAHANKAN PERAIRAN MALAYSIA, NEGARA
BERTUAHINI



“Selamat Hari TLDM Ke-81”

DENGAN IRINGAN DOA DAN INGATAN TULUS IKHLAS



BUDI AXIS SDN BHD (836389 – H)
("Your Reliable Strategic Alliance")

Suite B1-17, Megan Ambassy, 225 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2171 2525, 03-2171 2727
Fax: 03-2166 1717
Email : enquiry@budiaxis.com

AHOY!

Dari Meja Ketua Editor

Salam 1 Malaysia dan selamat bertemu kembali kepada pembaca setia Majalah SAMUDERA. Majalah SAMUDERA terus mengorak langkah sebagai Wadah Mengembangkan Minda Generasi Baharu *The Navy People*. Saya yakin penerbitan majalah ini masih signifikan dan terus menjadi mekanisme untuk menyebar maklumat dan isu semasa. Sidang Redaksi secara berterusan berusaha menambah nilai kandungan Majalah SAMUDERA supaya ia menjadi penyalur informasi di kalangan masyarakat setempat selain daripada komuniti ketenteraan. Proses menanda aras dengan majalah penerbitan dalam dan luar negara dilakukan juga demi meningkatkan daya tarik pembaca dengan makalah-makalah yang menepati citarasa semua peringkat generasi.

Tema sambutan Hari TLDM pada tahun ini masih dikekalkan seperti tahun lepas iaitu 'TLDM Siaga, Perairan Terpelihara' sejajar dengan komitmen Pengurusan Tertinggi TLDM bagi mendokong tema Hari Angkatan Tentera Malaysia Ke-82 'ATM Perkasa, Kedaulatan Terpelihara'. Ruangan Fokus mengupas tema ini secara terperinci untuk memberi pemahaman lebih jelas kepada umum akan hala tuju dan peranan angkatan ini dalam mencapai hasrat yang disasarkan.

Paparan pada kali ini juga menyingkap sekilas sambutan Hari TLDM di seluruh Malaysia serta kejayaan penganjuran Pameran Udara dan Maritim Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2015. Sepanjang penganjuran tersebut berlangsung, pengunjung telah disajikan dengan pelbagai segmen maritim dan berpeluang mendekati kehidupan TLDM di samping dipertontonkan aktiviti maritim serta lawatan ke kapal-kapal yang mengambil bahagian. Pengunjung juga telah berpeluang melihat sebanyak 37 buah kapal terdiri dari 17 buah kapal tentera laut asing, 12 buah kapal TLDM termasuk kapal selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN dan 8 buah kapal Agensi Penguatkuasa Maritim.

Saya berharap agar Majalah SAMUDERA pada kali ini akan memberi manfaat kepada semua masyarakat dan warga tentera serta mengalu-alukan sebarang cadangan, maklum balas serta komen berkaitan reka bentuk dan konsep Majalah SAMUDERA.

Akhir kata, saya mengharapkan penerbitan Majalah SAMUDERA sedikit sebanyak menjadi pemangkin kepada rakyat Malaysia lebih mengenali TLDM yang menjadi benteng pertama mempertahankan kedaulatan dan keselamatan Malaysia yang merupakan sebuah negara maritim disempadani perairan Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu serta Sulawesi bagi warga *The Navy People*.

Adalah diharapkan agar isi kandungannya dihayati serta dimanfaatkan dalam menyokong ke arah mencapai aspirasi dalam melaksanakan tanggungjawab kepada perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Sedia Berkorban



Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA
Bahagian Pengurusan Strategik
Markas Tentera Laut
Wisma Pertahanan
50634 KUALA LUMPUR
Tel: 03-20713041 Faks: 03-26929407
Email: mktl-bps-pub-ao@navy.mil.my

Sidang Redaksi



PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Dato' Seri Panglima
Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin



KETUA EDITOR

Laksamana Pertama Ganesh Navaratnam



EDITOR

Kept Syed Ahmad Hilmi bin Syed Abdullah TLDM



Lt Kdr Fakhron Diyana binti Fakruddin TLDM



Lt Kdr Mohd Fared bin Mohd Arif TLDM



PW I PRL Normahaily binti Mohd Nor



PENGEDARAN

BK TMK Amran bin Md Julis
LK PNK Mohd Alphanizam bin Ahmad Tamrad

REKABENTUK

MIHAS GRAFIK SDN BHD
No.12, Jalan SR4/19,
Taman Serdang Raya
43300 Seri Kembangan

SAMUDERA diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh Markas Tentera Laut dan diedarkan secara percuma. SAMUDERA mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasi 'Wadah Mengembangkan Minda Generasi Baharu *The Navy People*'.

KANDUNGAN

3 DARI MEJA KETUA EDITOR
Sidang Redaksi

5 FOKUS

9 EKSESAIS

- EKS MALAPURA
- EKS MALFRAN
- EKS BERSAMA WARRIOR
- EKS MNCTX

14 KESIAGAAN

- *Training Evolution of the Royal Malaysian Navy's Submarine Force*
- Latihan MARLIN
- *Anti Air Self Defence Weapon For Submarines*
- Operasi Bantu Bot Fiona 1 di Gugusan Semarang Peninjau
- Perolehan Littoral Combat Ship (LCS) TLDM - Dimensi Baru Dalam Keupayaan Operasi Maritim

22 SNAP SHOT

- KD LAKSAMANA TAN PUSMAH

26 LENSA

- Sekilas Sambutan Hari TLDM Ke-81
- Sepintas Lalu Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA 2015)

30 HARIINI DALAM SEJARAH

34 UNSUNG HERO

37 PENULIS TAMU

40 GEAR

- Sut PASKAL

42 PRIHATIN

- Op MURNI
- Penyampaian Cek Koperasi Tentera
- Penyerahan Surat Ucapan Takziah dan Cek kepada Balu Anggota

44 National Blue Ocean Strategy (NBOS)

45 PSSTLDM

- Peranan PSSTLDM dalam Membantu Menjayakan Misi dan Visi TLDM

51 INFO DIDIK

- Kemudahan Pendidikan dalam ATM
- Skim Biasiswa Yayasan Warisan Perajurit (YWP) untuk anak-anak anggota ATM
- Skim Biasiswa Yayasan Warisan Perajurit (YWP) Untuk Anak-Anak Anggota Tentera Lain-Lain Pangkat (LLP) yang Layak Dijadikan *Role Model* Kepada Ahli Keluarga

53 FIRST HAND

- Kecut Perut Terbang dengan Super Lynx

54 BERITA SEMASA

- Rai Media Perang Borneo
- *International Food Festival KD PELANDOK*
- Hari Bersama Pelanggan Pusat Rawatan An-Nur
- Bekas Pesara TLDM disaran libatkan diri dalam persatuan
- Majlis Penyampaian APC dan Pingat Perkhidmatan & Pekerti Terbilang KEMENTAH 2015
- Sepetang Bersama Droggies
- Majlis Konvokesyen Ke-14 Universiti Tun Abdul Razak
- Lawatan Kapal Tentera Laut Amerika Syarikat

59 SUKAN

- TLDM Pertahan Kejuaraan di Karnival Sukan ATM 2015
- TLDM Naib Johan Kejohanan Indoor Hockey ATM 2015
- Kayuhan Kuala Lumpur - Lumut

61 INFO KESIHATAN

62 GALLEY SAMUDERA

Scone of KD JEBAT

64 JEJAKA MATEROS

Makan Ikut Keperluan, Bukan Kehendak

65 CERPEN

66 SURAT PEMBACA





TLDM SIAGA, PERAIRAN TERPELIHARA

Serlah Kematangan

TLDM kini menjangkau usia 81 tahun. Pada usia ini, TLDM amat berbangga dengan kejayaan mencapai status sebagai 'the Blue Water Navy'. Kejayaan ini menyerlahkan kematangan yang dimiliki oleh TLDM dalam mengharungi pelbagai cabaran sejak penubuhannya 81 tahun yang lalu sehingga kini. Selama 81 tahun kewujudannya, 14 orang Panglima Tentera Laut terdahulu telah menabur jasa dan bakti yang tidak terhingga kepada TLDM dan negara serta telah mencorak dan mengemudi TLDM kepada tahap yang dapat kita lihat pada hari ini.

Diiktiraf Negara Luar

TLDM kini semakin diiktiraf oleh pelbagai pihak sama ada dari dalam negara maupun dari luar negara. Ini dapat dilihat apabila pada tahun 2014, kita telah menerima kunjungan daripada 13 Panglima Tentera Laut asing, termasuk daripada tentera laut bertaraf dunia seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jepun. Kunjungan oleh 13 Panglima Tentera Laut asing ini memperlihatkan TLDM sebagai Tentera Laut yang terpilih, dipercayai serta diyakini dalam konteks hubungan dua hala, serta kerjasama ketenteraan yang dipupuk erat. Di samping itu, TLDM juga telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan 4 persidangan antarabangsa pada tahun 2014. Persidangan yang melibatkan peserta dari pelbagai negara asing telah berlangsung dengan amat baik sehingga mendapat pujian daripada delegasi yang hadir.

Kongsi Pengalaman dalam Pengurusan Strategik

Pada tahun ini, TLDM telah diundang untuk berkongsi pengalaman dalam pengurusan strategik oleh Tentera Laut Pakistan (TLP). Undangan ini menunjukkan betapa tingginya pengiktirafan yang diberi oleh Tentera Laut Pakistan terhadap keupayaan TLDM mengadaptasi pengurusan moden untuk menjadi pemangkin kepada peningkatan kesiagaan secara berterusan. TLDM juga telah menghantar tiga pegawai untuk lawatan interaksi ke TLP bagi berkongsi pengalaman dalam aspek pengurusan strategik dan pengurusan latihan kedua-dua tentera laut.

Kesiagaan Peperangan Empat Dimensi

TLDM telah mengekalkan tema 'TLDM Siaga Perairan Terpelihara' bagi sambutan Hari TLDM pada tahun ini untuk melambangkan pentingnya peranan berterusan yang perlu dimainkan TLDM dalam melaksanakan misi bagi 'Melindungi Kedaulatan dan Kepentingan Maritim Negara'.

TLDM harus sentiasa siaga dalam apa keadaan sekalipun bagi menjamin kedaulatan perairan negara sentiasa terpelihara. Keamanan yang dikecapi selama 81 tahun serta kemampuan mencegah rintang sebarang ancaman terhadap negara adalah cerminan usaha gigih TLDM selama ini. Kini TLDM bersedia dengan keupayaan peperangan empat dimensi iaitu permukaan, udara, bawah air dan peperangan siber bagi menangani ancaman di segenap lapisan. Keupayaan peperangan empat dimensi ini amat penting bagi menangani ancaman tidak kira ancaman dalam bentuk tradisi mahupun bukan tradisi.

Perkuuh Pertahanan di Perairan Sabah Timur

Bagi meningkatkan lagi kesiagaan, TLDM telah mengoperasikan sembilan *Fast Interceptor Craft* yang terdiri daripada empat buah bot P38 dan lima buah bot *Silverbreeze* yang serba canggih. Bot-bot ini digunakan di kawasan perairan Sabah timur bagi menyokong operasi menangani ancaman dan mencegah penceroboh dari luar. Selain itu, TLDM dilantik untuk menerajui inisiatif ‘Sea Basing’ dan telah membentuk empat tim operasi yang akan ditempatkan di dua platform yang unik dan julung kali diperkenalkan di rantau ini. Dua tim akan berada di Pangkalan Laut TUN SHARIFAH RODZIAH, iaitu sebuah platform terapung atau lebih dikenali sebagai *Mobile Offshore Production Unit* (MOPU) secara bergilir-gilir. Dua tim lagi akan berada di Kapal Auksiliar TUN AZIZAN, sebuah kapal kontena yang akan diserahkan milik kepada Angkatan Tentera Malaysia oleh PETRONAS. Kehadiran kedua-dua platform ini sebagai ‘Sea Basing’ di perairan Sabah timur akan menyumbang kepada keupayaan TLDM dan ATM, serta memperkuuhkan lagi pertahanan dan pengawasan bagi menangani pencerobohan di kawasan tersebut.

Sistem Keselamatan Pangkalan dan Pengawasan Bawah Air

Di samping itu, TLDM akan membangunkan Sistem Keselamatan Pangkalan dan Pengawasan Bawah Air di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu. Pembangunan sistem ini penting bagi keselamatan aset dan pangkalan TLDM terutamanya apabila melibatkan kapal selam yang merupakan aset strategik negara. Sistem ini kelak bukan sahaja akan berfungsi sebagai sistem pertahanan untuk mengelak daripada sabotaj dan serangan ke atas aset-aset TLDM, malah juga mampu melindungi fasiliti penyelenggaraan kapal selam, jeti, kapal, simpanan logistik sekaligus mengurangkan risiko keselamatan kepada keseluruhan pangkalan.

Obsolescence Management Bagi Kapal-Kapal Lama

Seiring dengan itu juga, TLDM sedang melaksanakan program Pengurusan Keusangan atau *Obsolescence Management* bagi kapal-kapal lama TLDM bagi menggantikan peralatan dan sistem di kapal yang telah usang dengan yang baru. Program ini akan menjadikan peralatan dan sistem dalam sesebuah kapal lama sama seperti peralatan dan sistem yang dimiliki oleh kapal. Pelaksanaan program ini akan meningkatkan kesiagaan kapal-kapal lama TLDM bagi melaksanakan pelbagai tugas dan operasi yang diamanahkan. Dalam pada itu, TLDM akan melaksanakan projek *Ship Life Extension Programme* (SLEP) bagi Skuadron Korvet Ke-24 iaitu ke atas empat kapal kelas Laksamana. Projek SLEP ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.



Tambah Baik Aspek Pengurusan

Bagi mencapai visi untuk menjadi ‘Tentera Laut Bertaraf Dunia’, TLDM telah melakukan pelbagai usaha untuk memastikan hala tuju yang bertepatan. Antara usaha yang dilaksanakan adalah penambahbaikan dalam aspek pengurusan. TLDM kini sedang membangunkan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) yang akan memudahkan cara serta membuat pelaporan dengan lebih cepat dan tepat. Sistem ini akan dapat membantu pihak pengurusan tertinggi TLDM bagi membuat keputusan secara lebih sistematik dan efisien. Pembangunan sistem ini juga akan menggabungkan semua sistem yang sudah ada seperti Sistem Pengurusan Inventori Armada (SPIA), Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (e-SPKB), *Electronic Record Management System* (ERMS) dan banyak lagi dengan sistem yang bakal dibangunkan.

Pengiktirafan Standard

Dalam bidang kepakaran khusus yang dimiliki, TLDM juga sedang giat membentuk badan-badan bagi memberi pengiktirafan kepada sesuatu standard dalam bidang tertentu. TLDM pada masa ini sudah mempunyai *Directorate General Technical Seaworthiness* (DGTS) iaitu badan pengiktirafan yang menentukan kelayaklayaran sesebuah kapal. Dalam masa yang sama, TLDM juga sedang membentuk *Navy Standard Ship Divers* (NSSD) bagi memberi pengiktirafan terhadap bidang penyelaman, dan sebuah badan pengiktirafan lain dalam bidang latihan. Badan-badan pengiktirafan yang dibentuk ini akan menggunakan standard tinggi yang dimiliki oleh TLDM sebagai tanda aras bagi menilai tahap sesuatu bidang dalam TLDM mahupun kepada pihak di luar TLDM yang memerlukan. Badan pengiktirafan ini juga akan bertindak sebagai badan kawalan kualiti atau *quality control* terhadap bidang tersebut dalam TLDM.

Pembangunan Infrastruktur dan Prasarana

Dalam aspek pembangunan infrastruktur dan prasarana, TLDM sudah memulakan pembinaan Infrastruktur Latihan Pasukan Khas Laut (PASKAL) yang lebih lengkap di Pangkalan TLDM Lumut.

Projek ini akan dilengkapi dengan menara dan kolam latihan tempur termasuk *parachute hangar* serta gedung senjata yang lebih sempurna untuk kegunaan PASKAL. Kelak, ia akan menjadi kemudahan latihan Pasukan Khas Tentera Laut yang paling moden di rantau ini. Projek ini dijangka siap pada bulan Ogos 2016. TLDM juga sedang merancang untuk membangunkan kompleks baru bagi KD SRI MEDINI dan UPS Pasir Gudang di atas tanah milik TLDM di Sungai Lunchoo, Johor Bahru. Projek pembangunan ini dijangka akan diluluskan oleh pihak kerajaan pada tahun ini.

Kebajikan Anggota Tidak Diabaikan

Dalam aspek peningkatan kesejahteraan warga, TLDM telah melaksanakan pelbagai projek dan inisiatif bagi memastikan kebajikan warga TLDM tidak diabaikan. Di antara projek dan inisiatif tersebut adalah pembinaan Dataran Serbaguna terbuka di padang A16, Pangkalan TLDM Lumut. Pembinaan telah bermula pada 31 Dis 14 dan dijangka siap pada bulan Ogos 2016. TLDM akan berusaha untuk menentukan Dataran Serbaguna ini dapat disiapkan lebih awal iaitu dalam tahun ini. Setelah siap, Dataran Serbaguna ini boleh digunakan untuk pengajuran majlis-majlis berskala besar kerana ia mampu memuatkan sehingga 10 ribu orang. TLDM juga akan melaksanakan kerja-kerja baik pulih, menaiktaraf dan menyelenggara blok-blok Rumah Keluarga TLDM iaitu Blok A32, Blok B dan C di RKTLDM Lumut, Blok G di RKTLDM SKTLDM Sitiawan, Blok G di RKTLDM SKTLDM Parit, Menara Sri Pulai, Menara Sri Tanjung dan Blok Cempaka di RKTLDM Kuala Lumpur.

Penubuhan Pusat Asuhan Kanak-kanak

TLDM juga telah menubuhkan Pusat Asuhan Kanak-Kanak di Pangkalan TLDM Lumut agar



dapat menangani masalah penjagaan anak bagi warga TLDM. Pusat Asuhan Kanak-Kanak ini juga akan ditubuhkan di setiap Pangkalan TLDM memandangkan ia merupakan satu keperluan utama bagi warga TLDM yang mempunyai isteri atau suami yang bekerja. Saya berharap agar warga TLDM tidak lagi menghadapi masalah berhubung penjagaan anak selepas ini dan dapat menumpukan sepenuh perhatian di tempat kerja masing-masing dengan penubuhan Pusat Asuhan Kanak-Kanak ini.

Peningkatan Kerjaya dan Kenaikan Gaji

Dalam aspek peningkatan moral warga, TLDM telah melaksanakan kenaikan pangkat kepada 46 pegawai dan 1,451 anggota Lain-Lain Pangkat pada tahun ini. Pelaksanaan pemakaian pangkat kepada 999 anggota Lain-Lain Pangkat pada 7 Apr 15 yang lalu telah mencatat sejarah kerana ia adalah pemakaian pangkat teramai pernah diadakan dalam TLDM pada satu-satu masa. Kenaikan pangkat ini adalah bagi menghargai jasa dan sumbangan warga TLDM secara keseluruhannya. Kenaikan pangkat ini juga merupakan usaha dan inisiatif TLDM bagi memberikan





peningkatan kerjaya serta gaji yang pastinya akan lebih bermakna pada ketika kita sedang berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup masa kini.

Dominasi Kejohanan Sukan ATM

Dalam bidang sukan, TLDM telah mencatat sejarah apabila mengekalkan kejuaraan Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan selama tujuh tahun berturut-turut sejak tahun 2008. Kejayaan mendominasi kejohanan ini cukup manis untuk dikecapi dan amat bermakna bagi TLDM.

Tidak Berkompromi dengan Kegiatan Militan

Seluruh warga TLDM sentiasa diingatkan supaya tidak melibatkan diri dalam pertubuhan yang berideologikan IS. IS adalah merupakan pertubuhan yang menggunakan cara penganas yang menyimpang dari ajaran agama Islam bagi menggulingkan kerajaan sedia ada untuk menuhukkan kerajaan

sendiri. Perjuangan IS ini telah difatwakan haram oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 22 Ogos 2014. Pada 5 Apr yang lalu, 17 orang disyaki anggota IS telah ditahan oleh PDRM termasuklah dua anggota ATM kerana merancang serangan di beberapa kawasan di Lembah Klang. Penahanan ini bukan sahaja telah mencemarkan nama baik agama Islam, tetapi juga mencalarkan imej ATM dan negara. TLDM tidak akan berkompromi dalam hal ini dan akan mengambil tindakan tegas terhadap warga TLDM yang didapati terlibat dengan kegiatan militan ini.

Sentiasa Bersedia Menghadapi Ancaman

Dalam situasi keselamatan global yang tidak menentu yang dihadapi sekarang, ancaman boleh datang dalam pelbagai bentuk dan boleh menjadikan keselamatan dan kedaulatan negara. Justeru, warga TLDM harus sentiasa berwaspada dan bersedia dari segala aspek fizikal, rohani dan mental untuk menghadapi sebarang cabaran sejajar dengan cogan kata 'Sedia Berkorban'. Dalam pada itu, penerapan 4 nilai teras TLDM iaitu Kemuliaan, Kesetiaan, Keberanian dan Kebanggaan (4K) atau dalam Bahasa Inggerisnya *Honour, Loyalty, Courage and Pride* perlu terus dibudaya dan diperkasakan. Semua Panglima dan Pegawai Memerintah perlu memastikan kesemua Nilai Teras yang digariskan ini dihayati oleh setiap warga TLDM, agar mereka mempunyai nilai-nilai yang murni ini serta dapat meningkatkan tahap integriti masing-masing sekaligus mampu membantu TLDM mengurangkan kes-kes disiplin dan kejadian-kejadian yang tidak diingini.





MALAPURA 25/2015 OPENING CEREMONY AND HARBOUR PHASE

By: Lt Muhammad Faiz bin Mohamed Zanila RMN

Photo: LK PBS Dzulhelmi

Changi, Singapore – The Royal Malaysian Navy (RMN) and the Republic Singapore Navy (RSN) conducted Exercise MALAPURA, a bilateral maritime exercise from 4 until 15 March 15. Malaysia hosted this year's exercise, the 25th of its series held since 1984. RMN Fleet Commander, Vice Admiral Dato' Mohamad Roslan Mohamad Ramli and RSN Fleet Commander, Colonel Lew Chuen Hong officiated the opening ceremony which was held at Changi Naval Base (CNB), Singapore on 5 March 15.

Approximately 535 personnel from the RMN and RSN were involved in the 12 days exercise which witnessed both navies conducting joint planning and shore training at CNB. This phase was followed by the sea phase in which ships from both navies conducted drills to enhance conventional naval warfare and maritime security skills in the Straits of Malacca. The RMN assets taking part in the exercise included a frigate (KD JEBAT), a corvette (KD LEKIR) and a new generation patrol vessel (KD KELANTAN) whilst the RSN was represented by a frigate (RSS STALWART), a missile corvette (RSS VICTORY) and a patrol vessel (RSS SOVEREIGNTY).

The RMN and RSN interact regularly across a wide range of activities. These include professional exchanges and courses, as well as multilateral activities as part of the Five Power Defense Arrangement (FPDA). The two navies have also been working closely to enhance maritime security through the Malacca strait patrol arrangement. These regular interactions serve to strengthen mutual understanding and professional ties among the personnel of both navies.



RMN and RSN
Fleet Commanders



Opening Address by Fleet Commander RMN Vice Admiral Dato' Mohamad Roslan bin Mohamad Ramli



EKSESAIS MALFRAN 2015

MANIFESTASI KERJASAMA MALAYSIA PERANCIS

Oleh: N.S. Shah





Eksesais Malaysia France atau yang lebih dikenali dengan singkatan EKS MALFRAN 2015 telah berjaya dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia dengan kerjasama dari Angkatan Tentera Perancis (French Armed Forces). Markas Angkatan Bersama telah bertindak sebagai pelaksana dalam penyelarasan dan pengendali eksesais yang merupakan salah satu latihan dua hala terpenting bagi Malaysia dan Perancis. EKS MALFRAN 2015 melibatkan anggota dari Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Tentera Laut Perancis, Pasukan Udara Tentera Darat Perancis dan Pasukan Marin Perancis.

Angkatan Tentera Perancis telah menghantar sebuah kapal sokongan logistik dari kelas Mistral (Dixmude L9015) serta elemen bantuan udara yang terdiri dari dua unit pesawat Gazelle dan dua unit pesawat SA330 Puma selain elemen sokongan dari pasukan marin. Secara asasnya EKS MALFRAN 2015 berpaksikan keupayaan melakukan *Human Assistance Disaster Relief* atau ringkasnya HADR memperlihatkan perancangan dan perlaksanaan yang memberikan fokus terhadap bantuan kemanusian dan bantuan bencana alam. Eksesais ini telah dilaksanakan di sekitar perairan Selat Melaka sehingga ke Kampung Simpang Penyabung yang terletak di Mersing, Johor. Kontinjen Angkatan Tentera Malaysia telah menaiki kapal Dixmude di Pusat Hidrografi Negara di Pulau Indah bagi melaksanakan pelbagai siri latihan yang telah dirancang. Ini termasuklah latihan *Force Integration Training* (FIT), *Table Top Exercise* (TTX) dan *Field Training Exercise* (FTX). FTX telah memperlihatkan kejayaan kedua buah Negara melaksanakan *Engineering Civic Action Programme* (ENCAP) dan *Medical Civic Action Programme* (MEDCAP). Kedua-dua latihan ini telah dilaksanakan di Kampung Simpang Pasir Penyabung, Mersing.

Tentera Udara Diraja Malaysia juga telah diberikan peluang oleh Angkatan Tentera Perancis untuk



mengalami beberapa siri latihan dan penerbangan certification terhadap pesawat dan juruterbang dari No 10 Skuadron TUDM. Sebuah pesawat Eucopter EC725AP milik TUDM telah ditempatkan di atas kapal Dixmude bersama satu detasmen anggota penerbangan dan kejuruteraan. Ini telah memberikan pengalaman beroperasi di atas kapal asing selama beberapa hari bagi anggota No 10 Skuadron. Selain itu juga penerbangan sokongan terhadap operasi khusus, pendaratan geladak, penerbangan sokongan heliborne dan penerbangan menggunakan gogal pandang malam (NVG).

EKS MALFRAN 2015 bukan sahaja memberikan pendekatan secara dekat terhadap doktrin dan prosedur operasi standard Perancis dalam menghadapi cabaran HADR malah ianya telah berjaya memberikan certification kepada juruterbang EC725 dalam pendaratan geladak dan penerbangan NVG. Selain dari itu juga Angkatan Tentera Malaysia telah menimba pelbagai pengalaman beroperasi bersama salah satu pasukan sahabat dari sebuah negara Pakatan Pertahanan Atlantik Utara (NATO). EKS MALFRAN seterusnya akan

dilaksanakan pada tahun-tahun akan datang dengan penglibatan yang lebih kredibel dari kedua buah negara.



EKS BERSAMA WARRIOR

Oleh: PR Markas Angkatan Bersama

KUALA LUMPUR – Eksesais BERSAMA WARRIOR 15 bersama United States Pacific Command (USPACOM) telah dibuka dengan rasminya oleh Pemangku Ketua Staf Mk AB, Mejaz Jeneral Dato' Kamaluzaman Mohd Othman TUDM bertempat di Wisma Perwira pada 22 Jan 15.

Eksesais ini merupakan Eksesais Gabungan Bersama yang pertama kali diadakan di Pusat Peperangan Bersama (PESAMA) melibatkan keanggotaan dari kedua-dua buah negara. Eksesais BERSAMA WARRIOR 15 berfokus kepada konsep yang bermula dari STAFFEX, CPX serta diakhiri dengan FTX dengan satu kitaran selama tiga tahun. *Course of Actions* (COA) yang dihasilkan sewaktu STAFFEX disimulasikan semasa CPX serta direalisasikan semasa FTX. Angkatan Tentera Malaysia mengetuai perancangan dan pelaksanaan operasi. Manakala USPACOM berperanan sebagai membantu (supporting role) menerusi penubuhan *Combined Joint Task Force* (CJTF).

Turut hadir Deputy Commanding Gen Marines Force Pasific Command, Brid Gen Christopher J. Mahoney, Asisten Ketua Staf J7 Mk AB, Laksma Datuk Khairul Anuar Yahya, wakil USPACOM serta Pegawai-pegawai ATM.



Oleh: Bahagian Hal Ehwal Awam - Markas Angkatan Bersama

Majlis Pembukaan Eksesais Melawan Keganasan Pelbagai Negara atau Multination Counter-Terrorism Exercise (MNCTX) 2015 telah disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri (Dr) Ahmad Zahid Hamidi, pada 16 Mac 15 bertempat di Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi (LISRAM), Langkawi.

MNCTX yang pertama kali diadakan ini melibatkan 10 negara-negara ASEAN dan UAE merupakan satu latihan gabungan bersama yang dianjurkan bersama oleh ATM dan PDRM. Eksesais ini telah diilhamkan oleh Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia melalui perkongsian Strategi Lautan Biru Kebangsaan

(NBOS) serta telah mendapat sokongan dari Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Latihan gabungan bersama di antara Pasukan Khas Tentera dan Polis Negara ASEAN dilaksanakan mulai 13 hingga 20 Mac 15 semasa berlangsungnya Langkawi International Maritime & Aerospace Exhibition 2015 (LIMA'15).

Eksesais ini juga mendapat kerjasama dan melibatkan pelbagai agensi kerajaan yang membantu perlaksanaan seperti Akademi Korektonal Langkawi, Jabatan Penjara, Jabatan Bomba & Penyelamat, Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Majlis Perbandaran Langkawi.

EKSESAIS MELAWAN KEGANASAN PELBAGAI NEGARA (MULTINATION COUNTER-TERRORISM EXERCISE) 2015 LANGKAWI

Eksesais selama tujuh hari ini diadakan di Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi (LISRAM) dan Akademi Koreksional Malaysia (AKM), Langkawi serta melibatkan seramai 173 peserta dari dalam dan luar negara. Peserta MNCTX dalam negara terdiri dari Pasukan Grup Gerak Khas (GGK), Pasukan Khas Laut (PASKAL), Pasukan Khas Udara (PASKAU). Manakala Polis Diraja Malaysia diwakili oleh Pasukan Komando VAT 69 dan Unit Tindakan Khas (UTK) serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia diwakili oleh Pasukan Tindakan dan Penyelamat Maritim.

Eksesais ini diadakan untuk meningkatkan keupayaan saling khidmat dan inter-operabiliti ketenteraan di antara negara-negara ASEAN dan UAE khususnya

ketika berlaku krisis yang boleh mengganggu gugat keselamatan dan kepentingan negara. Ia juga diadakan untuk mengukuhkan hubungan ketenteraan, menggalakkan kerjasama dan mendorong pertukaran maklumat di antara tentera dan polis negara-negara ASEAN serta UAE. Eksesais ini merupakan platform yang sesuai bagi Malaysia dan negara-negara ASEAN serta UAE dalam merancang dan mewujudkan pelan tindakan dalam menangani ancaman keganasan.

Turut hadir adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr) Haji Zulkifeli Mohd Zin dan Ketua Polis Negara Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar serta pegawai-pegawai tertinggi ATM dan PDRM.



By: Cdr Ir Shahriman bin Shawaluddin RMN

INTRODUCTION

The use of submarines during World War 2 was truly evident and till today it is still considered the most strategic asset by all navies. To realise the dream of becoming a member of the submarine domain, the RMN had sent several officers and sailors to undergo submarine training overseas in the 80s with the objective of gaining knowledge, experience and expertise in operating submarines and maintaining them. All efforts were done attuned to the vision of creating a credible RMN Submarine Force.

THE PIONEERS

In the 80s, several RMN officers were selected to become the first pioneer group in obtaining submarine knowledge in the United Kingdom and Germany. The RMN reached an agreement with the Royal Navy and German Navy to train its officers in submarine operations, tactics, maintenance, and logistic support. These officers were selected to assimilate specific information for the development of basic infrastructure, maintenance facilities, logistic support, and various other aspects that was critically required to realise this entirely new dimension which included training, tactical doctrines, escape procedures, rescue and salvage. Since then, in the 90s, a total of 43 officers and sailors have been sent to various submarine training establishments overseas.

TRAINING EVOLUTION OF THE ROYAL MALAYSIAN NAVY SUBMARINE FORCE

SUBMARINE TRAINING IN FRANCE

The RMN Submarine Training Contract was officialised on 7th July 2003 between the Malaysian Government and ARMARIS. It focused on the training of future SCORPENE submariners in France, which consisted of theoretical training ashore, and practical training on board the submarine. The selection of submariners was daunting. The selection team was headed by Admiral Christian Le Roux from the French Navy and qualified RMN submariners. They had the tedious task to conduct series of test and interviews throughout the RMN to identify the right person with the aptitude of a submariner. In early 2005, 6 officers were selected as pioneers to undergo the Submarine Course for Key Men at Ecole Formation de Sous Marin (EFSM) in Brest, France.

They were later joined by 165 officers and sailors or fondly known by the French as Designated Submarine Personnel or DSPs to undergo Basic Submarine Course, Advanced Submarine Course and SCORPENE specific courses for specific tasks

on board the submarine. It was indeed a great challenge for the RMN DSPs not only to learn on how to become submariners but also being apart from their families during the 4 years of training.



Future RMN submariner undergoing OJT onboard SMD Ouessant

SUBMARINE TRAINING IN MALAYSIA

The RMN Submarine Training Centre (STC) was established on 1 January 2009 in Sepanggar Bay, Kota Kinabalu, Sabah. The STC was established to produce competent submariners locally. It developed by preparing the submariners Training Management Plan and the STC was equipped with the training facilities to conduct the training.

The STC took in its first batch of 40 trainees on 16 July 10. The trainees had previously undergone Submarine Science Application Course (SSAC) at KD PELANDOK, Lumut Base where the trainees refreshed their knowledge in English, Mathematics, Science and Engineering. For Level 1 training, the trainees will go through the Submarine Foundation Training phase, SCORPENE Specific Training phase and On-Job-Training on board the submarines. The trainees will have to endure theoretical classes, exams, oral examinations and many hours on the simulators before being sent on board. All of these processes will done in a duration of one year before the trainees are certified to be qualified submariners in the RMN.

It was indeed a challenging experience for the STC because it requires qualified instructors and more training facilities. However, all of these hurdles were overcome in stages with several creative and innovative ideas. Not letting the lack of facilities hamper the training, the instructors in STC developed a Sound Analysis Integration Training System (SAINTS) and Submarine Navigation Plotting Training System (SUNPLOTS) to aid the training of the submariners. Both training aids were recognised by the Malaysian Ministry of Defence when they were adjudged the winners of the prestigious MINDEF

Innovation Award in the year 2011 and 2012. Since then the STC had trained 3 batches of submariners.

The STC facilities grew steadily. It was soon equipped with state of the art training labs consisting of a mechanical lab, an electrical lab, an electronic lab, a hydraulic lab and a pneumatic lab. The training laboratories are equivalent to any engineering training centres globally.



SMD Ouessant. SSK Type submarine used to train the DSPs.



The RMN Submarine Training Centre in Kota Kinabalu, Sabah



Submariners undergoing advanced theoretical training in STC

Malaysians gain their Dolphins

Under the auspices of the Malaysia Australia Defence Programme five Royal Malaysian Navy officers and one senior warrant officer completed advanced submarine training late last year. On the 1st of December, the three executive branch went on for the first time to the Royal Australian Navy's Fremantle base to earn their Dolphins.



News on the RMNs Officers and men who gained their submariners qualification in Australia.



Training on SIMTAC and SET

The STC is also equipped with several simulators namely:

- a. SCORPENE Type Diving Control and Platform Simulator (SIMDIV).
- b. SCORPENE Type Submarine Navigation Safety, Combat System, Sensors and Periscope Simulator (SIMTAC).
- c. Flooding and Water Leak Facility.
- d. Fire Fighting Facility.
- e. Submarine Escape Training Facility (SET).

The STC also assists the submarine squadron to train their crews on these simulators to keep their currency whilst ashore. With the availability of these simulators, the STC has completed its training facility inventory which is considered to be at par with the other submarine operators.

The RMN made history on 31st October 2013, when 22 trainees who were trained by STC graduated and gained their Dolphins. It was a proud moment for the RMN in achieving the training of submariners locally.



CONCLUSION

The evolution of the RMN Submarine Force training for the submariners was an experience indeed. The RMN started the journey initially by gaining experience from various countries, enhanced this experience with a holistic submarine training for 4 years in France and from which, was able to establish a RMN Submarine Training Centre in Malaysia. It was indeed a great challenge for the RMN and the young Malaysian men who call themselves Submariners. The RMN aims to continue producing safe and competent submariners for years to come.

RMN Submariners graduation on
31 Oct 13 in Kota Kinabalu, Sabah

LATIHAN MARLIN

Oleh: Lt Nik Ashraf Thaqid bin Nik Azizan TLDM

Sabtu tahun, KD DUYONG melaksanakan pelbagai kursus penyelam bertujuan untuk melahirkan penyelam yang kompeten dari pelbagai peringkat sama ada peringkat TLDM maupun lain-lain organisasi kerajaan atau *Other Goverment Agencies* (OGA). Selain itu, KD DUYONG turut menganjurkan kursus kelayakan penyelam kepada peserta dari luar negara melalui *Malaysian Defence Cooperation Program* (MDCP) yang turut disertai pegawai atau anggota tentera negara-negara serantau.

Antara kursus lain yang dilaksanakan di unit ini ialah Kursus Pegawai Selam Ranjau, Kursus Penyelia Penyelam Ranjau, Kursus Laskar Kanan Penyelam Ranjau, Kursus Peningkatan Penyelam Kelas I dan Kelas II serta Kursus Penyelam Kapal yang agak mencabar serta menguji keupayaan mental dan fizikal di tahap maksimum.

Setiap kursus selam bermula dengan ujian kelayakan, kelas teori selam, aktiviti menyelam mengikut fasa seterusnya Latihan MARLIN sebelum menamatkan kursus. Antara objektif latihan yang disasarkan bagi aktiviti ini ialah untuk menilai keupayaan pelatih secara individu dan berpasukan, mewujudkan semangat setiaawan dan bekerja secara berpasukan, menguji ketahanan fizikal dan mental serta meningkatkan keyakinan diri dalam aktiviti menyelam dalam persekitaran operasi selaman sebenar.

Latihan MARLIN merupakan sesi aktiviti kesiagaan Penyelam TLDM di luar kawasan yang dilaksanakan selama tujuh hari di perairan Pulau Pangkor. Sebelum itu, pelbagai persiapan dibuat dengan rapi supaya segala aktiviti yang dirancang berjalan lancar dan berjaya. Taklimat persediaan disampaikan oleh pegawai yang mengetuai latihan merangkumi organisasi latihan, pergerakan, keselamatan, keperluan logistik, pegawai dan anggota yang terlibat dan lokasi latihan.

Secara amnya, latihan ini dilaksanakan dua kali sehari. Beberapa aktiviti sampingan turut dijalankan seperti senaman pagi, merentas desa, mendaki bukit, jalan lasak dan larian malam. Kesemua aktiviti ini dilakukan bertujuan untuk mengoptimumkan masa sepanjang Latihan MARLIN dijalankan.

Sebagai pengenalan tempat-tempat penting di Pulau Pangkor, aktiviti mengelilingi pulau turut dilaksanakan supaya kesemua pelatih tahu di mana lokasi yang perlu dituju jika berlaku kemalangan seperti Klinik Kesihatan, Balai Polis, Balai Bomba.



ROYAL MALAYSIAN NAVY




ANTI AIR SELF DEFENCE WEAPON FOR SUBMARINES

By: Lt Cdr Dzul Khairi bin Mat Saad RMN



Whilst most navies are enhancing their Anti-Submarine Warfare (ASW) capabilities by procuring more ASW assets, the idea of having a dedicated self-defence weapon for submarines against air threat has been developed. This process was started since 1942, when the Germans mooted the 'U-flak' or 'Flak Trap' concept in which the U-Boats were equipped with extra anti-aircraft weapons such as two 20 mm quadruple Flakvierling mounts, an experimental 37 mm automatic gun and a battery of 86 mm line-carrying anti-aircraft rockets (similar to a device used by the British in the defence of airfields).

This concept was proven to be unworkable in which the German Navy had overestimated the effectiveness of their improved anti-air weaponry and had suffered heavy losses due to the group tactics adopted by the Allied aircrafts.



Even though the 'Flak Trap' concept was not successful but Germany is still in pursuit of developing a workable solution against the air threat. Nowadays, they have developed a new idea called Interactive Defence and Attack System for Submarines (IDAS). This new system will enable the submarine to attack ASW helicopters or slow flying Maritime Patrol Aircrafts (MPA) using a short range missile. Currently the development of this system is concentrated on the new Type 212 submarine of the German Navy. The missile which will be fibre-optic guided that can be launched from standard torpedo tubes and possess a lethal attack capability up to 20 km. Apart from air target, the IDAS can also be used for attack against a pinpoint position on a surface ship or target ashore. This system was planned to become operational in 2014 but was delayed because the German Navy's acquisition programmes have stalled due to lack of funding.



France is the other European nation that is also interested in developing this capability. Currently, they are working on a system called A3SM that will enable submarines to engage ASW aircraft using Mistral 2 missiles with a maximum range of 6.5 km at speeds of Mach 2.5. The new self-defence system developed by Direction des Constructions Navales (DCNS) in cooperation with Arms Manufacturers Company (MBDA) have mounted the missile housing on a retractable mast facilitating the launching of three short-range missiles from Periscope Depth (PD).



An IR camera from Société d'Applications Générales de l'Électricité et de la Mécanique (SAGEM) fitted in the missile housing acts as an optronic aiming sight. This system can be considered as a short range solution for submarines when threatened from the air. Submarines need no longer flee when detected by ASW helicopters and MPAs but instead have the capability to fight the threat.



Basically, the presence of this technology within the Submarine Forces will have significant impact in the ASW world as the submarines will have the means to protect and defend themselves when the need arises. In the past, ASW helicopters and MPAs could keep on engaging a detected submarine over and over without fear of retaliation but with the recent development, the situation might change and it could be a "big relief" particularly for those who are serving with the "silence service".



OPERASI BANTU BOT FIONA 1 DI GUGUSAN SEMARANG PENINJAU

Oleh: Staf Bilik Operasi Markas Wilayah Laut 2

Kota Kinabalu - TLDM telah melancarkan operasi membantu Bot Fiona 1 yang mengalami kerosakan jentera utama di selatan perairan Gugusan Semarang Peninjau pada jarak 16 batu nautika pada 10 Apr 15. Bot membawa 18 orang penumpang terdiri daripada lima orang krew bot dan 13 orang pegawai dari Institut Penyelidikan Perikanan Cawangan Sarawak.

Bot Fiona 1 yang telah bertolak dari Jeti Awam Kota Kinabalu pada 7 Apr 15 jam 5 petang untuk menjalankan kerja kaji selidik di kawasan perairan Pulau Layang-Layang, telah mengalami masalah pada jentera utama. Pegawai dari Institut Penyelidikan Perikanan Cawangan Sarawak telah menghubungi Pusat Operasi Markas Wilayah Laut 2 memohon bantuan setelah usaha membaiki Bot Fiona 1 oleh krew gagal.

Panglima Wilayah Laut 2 telah mengarahkan aset TLDM yang berada di kawasan operasi, iaitu KD GANAS untuk memberi bantuan sewajarnya. KD GANAS telah berjaya menjumpai Bot Fiona 1 di Selatan Pulau Layang-Layang pada jarak 14.5 batu nautika pada 10 Apr 15 jam 1.35 pagi.



KD GANAS telah menunda Bot Fiona 1 dan tiba ke Pulau Layang-Layang pada jam 9.35 pagi. Kerosakan pada jentera utama telah dibaiki oleh krew bot dan dibantu oleh staf teknikal KD GANAS. Kesemua krew Bot Fiona 1 dan pegawai dari Institut Penyelidikan Perikanan Sarawak dilaporkan dalam keadaan selamat.

PEROLEHAN LITTORAL COMBAT SHIP (LCS) TLDM – DIMENSI BARU DALAM KEUPAYAAN OPERASI MARITIM

Oleh: Pasukan Projek LCS TLDM

Fasa Reka Bentuk

Kontrak perolehan enam buah *Littoral Combat Ships* (LCS) telah dimeterai di antara Kerajaan Malaysia dengan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS) pada 17 Jul 14. Pada masa ini perolehan LCS masih dalam fasa reka bentuk asas yang sedang dilaksanakan oleh *Design Authority* kapal iaitu *Direction des Constructions Navales Services* (DCNS), Perancis. Setelah selesai fasa reka bentuk ini, kapal akan dibina oleh BNS di Malaysia.

Dimensi Baru dalam Keupayaan Tempur Armada TLDM

Perolehan LCS dijangka memberi dimensi baru dalam keupayaan operasi maritim, khususnya keupayaan tempur Armada TLDM. LCS akan mempunyai keupayaan peperangan 4 dimensi dan ciri stealth yang moden. LCS juga akan menjadi kapal TLDM pertama dilengkarkan dengan *Towed Array Sonar* sebagai keupayaan peperangan anti-kapal selam terkini.

Di samping itu, TLDM bakal menjadi perintis iaitu sebagai tentera laut pertama di Asia yang akan menggunakan misil berteknologi *imaging infrared* (IIR) bagi *Surface to Surface Missile*. Misil jenis ini tidak menggunakan *active seeker* apabila menuju ke sasaran. Sehubungan itu, ia amat sukar disedari dan dikesan oleh musuh setelah dilancarkan.

Sukar Dikesan Radar Musuh

Dalam aspek *stealth* pula, LCS direka bentuk agar kapal ini sukar dikesan radar musuh. Sehubungan itu, peralatan dan bahagian yang terdedah kepada

cerapan radar akan dilindungi dengan *Radar Cross Section (RCS) curtain*. Peralatan seperti *cupola medium caliber gun* pula direka bentuk sepadan dengan *contour* kapal serta diperbuat dari *radar absorbent material (RAM)*, manakala peralatan serta *fittings* lain di bahagian *upper deck* dilindungi oleh RCS cover/door.

Satu lagi ciri utama LCS yang unik dan lain daripada kapal konvensional ialah bahagian *mast* di mana LCS mempunyai *Panoramic Single Integrated Mast* (PSIM). Bahagian PSIM ini adalah struktur yang paling kompleks di mana ia mempunyai tiga bahagian utama yang diperbuat daripada bahan yang berbeza. Top mast diperbuat daripada aluminium, *middle mast* iaitu *radome* dari GRP sepenuhnya dan *lower mast* dari besi. *Main Surveillance Radar* (MSR) serta alat pengesan yang lain ditempatkan di dalam *radome* dan tidak kelihatan dari luar kapal. Reka bentuk PSIM ini membolehkan RCS bahagian *superstructure* dikurangkan sehingga lebih kurang 40%.

LCS TLDM direka bentuk agar mempunyai tahap *radiated infrared* (radiated IR) dan juga *underwater noise* yang amat rendah. Spesifikasi skim insulasi badan kapal yang ketat dan sistem penyejukan yang canggih menggunakan kaedah *air educator diffusers* terhadap gas ekzos jentera membolehkan suhu tertinggi iaitu di bahagian funnel serta plumes adalah di bawah tahap yang dibenarkan. Sehubungan itu, LCS akan sukar dikesan oleh sistem pendera IR musuh. Keadaan ini membolehkan *silhouette* kapal hampir sama dengan persekitaran.

Ukur Tahap Gegaran


Seiring dengan keperluan operasi TLDM untuk meningkatkan keupayaan perang anti-kapal selam, tahap *underwater noise* LCS akan diukur tahap gegaran, *structure borne noise* dan tahap bising semasa *Factory Acceptance Test* (FAT). Tindakan rawatan akan dilaksanakan semasa reka bentuk dan pemasangan bagi mengurangkan *radiated structure borne noise* supaya *underwater noise level* kapal dapat memenuhi had spesifikasi yang ditetapkan di dalam kontrak.

Reka Bentuk Pengoperasian Perairan Laut Dalam


Berkaitan reka bentuk platform pula, LCS direka bentuk untuk beroperasi di perairan laut dalam bagi tempoh yang panjang. Keupayaan ini membolehkan

kawasan operasi maritim terutama yang mempunyai kepentingan strategik negara dilindungi dari anasir tidak diingini. Selain itu, LCS mempunyai hangar yang berupaya memuatkan *medium lift helicopter*. Kemudahan ini membolehkan operasi maritim, khususnya perang anti-kapal selam, misi mencari dan menyelamat dan tugas khusus lain dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Perolehan LCS akan memberi dimensi baharu dalam keupayaan operasi maritim Armada TLDM. LCS bakal menjadi aset penting dan berupaya menobatkan TLDM sebagai sebuah angkatan laut yang disegani di rantau ini demi menjaga kedaulatan perairan negara.







KD LAKSAMANA TAN PUSMAH

Sentiasa Siaga Mengharungi Samudera - Kapal sedang melaksanakan rondaan di Pulau Perak

Oleh: Lt Naqib Basil Yahya bin Osman TLDL

SEKILAS SAMBUTAN



23 Apr 15 - Majlis Tahil Pejabat Pegawai Wakil Tentera Laut (PWTL) Kuching



24 Apr 15 - Lawatan BAKAT Laut MAWILLA 1 ke atas balu-balu anggota TLDM sekitar Kuantan



24 Apr 15 - Slot Khas TLDM di Malaysia Hari Ini (TV3) di pekarangan Sri Pentas



25 Apr 15 - Lawatan Pengurus Jemaah Tertinggi BAKAT Laut ke 96 HAT Lumut



25 Apr 15 - Perlawanan Akhir Bola Sepak Piala Zain Ke-32 – PTKK muncul Juara tewaskan KD PANGLIMA HITAM



26 Apr 15 - Majlis Makan Beradat di Wisma Samudera Pangkalan TLDM Lumut



25 Apr 15 - Hari Terbuka Armada Markas Wilayah Laut 3 di Jeti Operasi Pangkalan TLDM Langkawi



Antara persembahan menarik yang dipertontonkan di MAWILLA 2

HARI TLDM KE-81

27 Apr 15 - Pelancaran Kapsul Masa dan Pelancaran Sistem Pengurusan Inventori Armada Versi Tiga (SPIAv 3)

Kapal dibuka untuk lawatan orang ramai di Pangkalan TLDM Lumut

26 Apr 15 - Perasmian Pusat Asuhan Kanak-kanak

27 Apr 15 - Perasmian Kelab Rekreasi Tentera Laut



27 Apr 15 - Perasmian Sekolah Pengurusan Hospitaliti dan Seni Kulinari



27 Apr 15 - Jemaah Tertinggi BAKAT Laut rai balu dan anak-anak yatim di Pusat Pembangunan Wanita (PPW), Pangkalan TLDM Lumut

28 Apr 15 - Program derma darah, pemeriksaan gigi dan pemeriksaan kesihatan anjuran bersama Markas Wilayah Laut 1, Kuantan dan Pusat Perubatan Angkatan Tentera, Pusat Pergigian Angkatan Tentera Kem Terendak, Melaka dan Lembaga Pembangunan Perancang Keluarga Negeri



28 Apr 15 - Perasmian Bangunan Navy Gym, Gelanggang Latihan Angkat Berat, Taekwondo dan Judo TLDM



28 Apr 15 - Jemaah Tertinggi BAKAT Laut rai Kanak-kanak Istimewa Auditorium M. Sidek Shabudin



Perutusan Panglima Tentera Laut sempena Sambutan Hari TLDM Ke-81

Sepintas Lalu Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA 2015)



Majlis Perasmian Pembukaan LIMA '15 oleh Perdana Menteri Malaysia di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi



Menteri Pertahanan dan Panglima Tentera Laut membalsas tabik hormat daripada krew kapal negara-negara sahabat semasa acara *Fleet Review*



Pameran Maritim di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi menampilkan penyertaan sebanyak 35 buah negara





Menteri Pertahanan dan Panglima Tentera Laut saling bertukar pandangan tentang kemampuan aset yang terlibat dalam demonstrasi maritim



TLDM sentiasa bersedia menangani sebarang kemungkinan



Chief of Navy Roundtable Talk bincang langkah strategik jamin keselamatan perairan rantau Asia



Menteri Pertahanan dan Panglima Tentera Laut memotong kek sebagai pembuka acara *International Maritime Cultural @ Food Festival* di Resort World



Sidang Media LIMA '15 oleh Menteri Pertahanan semasa majlis Hi-Tea meraikan para media di KD JEBAT



Menteri Pertahanan bersama belia ASEAN di *Media Coordination Centre*



Tetamu-tetamu Panglima Tentera Laut dihiburkan dengan persembahan kebudayaan oleh BAKES TLDM








► Providing engineering solution (mechanical, electrical and electronics), defence, and information technology related industries.

► Total solution and excellent services by providing quality product and services in a competitive and innovative as well to become one stop centre for procurement and maintenance management.

► Company equipments and facilities

AUSTRALIAN MARITIME SYSTEM (AMS) VESSELS TRACKING SYSTEM (VTS)



DIVING SET: COBHAM VIPER SC



NAVIGATION RADAR: KELVIN HUGHES SHARPEYE E/F & I BAND TRANSCEIVERS



Service Centre

Headquarters



D'AQUARIAN (M) SDN BHD
Wisma D'Wan, No. 31-3A, Jalan PJU 5/18
Dataran Sunway, Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: +603-6156 5651 Fax: +603-6157 1653
E-mail: enquiry@daquarian.com

Service Centre
Lot PT 3709, Kawasan Perindustrian
Seri Manjung, 32040 Seri Manjung
Perak Darul Ridzuan
Tel: +605-688 3526 Fax: +605-688 3531
E-mail: enquiry@daquarian.com

D'AQUARIAN SERVICES (M) SDN BHD
Lot PT 3709, Kawasan Perindustrian
Seri Manjung, 32040 Seri Manjung
Perak Darul Ridzuan
Tel: +605-688 2393 Fax: +605-688 4816
E-mail: daquarianservices@gmail.com



Certificate No: KLR 0500086



ROYAL MALAYSIAN NAVY

TENGGELAMNYA KD SRI PERAK

Oleh: PUSMAS TLDM

Tarikh Peristiwa: 8 Januari 1984 (Ahad)



KD SRI PERAK P 3140



Pada hari ini dalam tahun 1984, Kapal peronda KD SRI PERAK telah tenggelam kerana di pukul ombak besar di Laut China Selatan. KD SRI PERAK merupakan *batch* pertama Kapal Ronda dari kelas SRI KEDAH yang dibina di Vosper Thornycraft Limited di Portsmouth, England pada tahun 1961 dan dilauncarkan pada 1963. Tragedi KD SRI PERAK tenggelam di Laut China Selatan ini merupakan tragedi yang pertama berlaku dalam sejarah TLDM.

KD HANG TUAH MENERIMA KUNJUNGAN MENTERI PERTAHANAN YANG PERTAMA

Peristiwa: 21 Januari 1965 (Khamis)



KD HANG TUAH F 433

Menteri Pertahanan Malaysia yang pertama iaitu YB Tun Abdul Razak buat pertama kalinya mengadakan kunjungan ke kapal KD HANG TUAH pada 21 Januari 1965 di Port Swettenham, Klang.

KD HANG TUAH (F433) merupakan kapal perang Malaysia dari kelas frigat yang diserahkan oleh kerajaan British kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada 2 Oktober 1964. Nama asalnya adalah HMS LOCH INSH. HMS LOCH INSH (K433) adalah sebuah kapal frigat dari kelas Loch yang

digunakan oleh Tentera Laut Diraja British.

Kapal ini pernah menenggelamkan kapal selam Jerman U297 dan U307. Ia telah belayar ke merata tempat sehingga ke Asia Tenggara dan banyak terlibat sebagai guardship di Timur Tengah. Kapal ini juga pernah membantu Kuwait semasa diancam oleh Iraq pada Ogos 1961.

Kapal ini beratnya kira-kira 2,000 tan dan panjangnya 307 kaki serta dilengkapi dengan dua jenis radar

yang boleh mengesan kapal terbang dan kapal perang sejauh 145 batu. Ia juga mempunyai landasan untuk pendaratan helikopter. Setelah berkhidmat lebih 13 tahun bersama TLDM kapal ini mengalami banyak kerosakan yang tidak ekonomi untuk dibaiki, maka pada 30 Mei 1977 KD HANG TUAH ditamatkan perkhidmatannya. Lt Kol (Laut) Tuan Hashim bin Tuan Mohamad merupakan PM terakhir di kapal yang pada masa itu telah belayar sebanyak 17,980 jam dan sejauh 183,040.75 bn.



PELAYARAN SULTAN SELANGOR MENGELILINGI DUNIA

Peristiwa: 4 Februari 1995 (Sabtu)

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj telah belayar mengelilingi dunia bersama kapal layar peribadi baginda iaitu S.Y Jugra pada 4 Februari 1995. Baginda merupakan seorang Sultan yang amat meminati bidang pelayaran dan mengagumi ahli pelayaran Islam dari Afrika iaitu Al Idrisi. Justeru, atas semangat pelayaran yang tinggi, baginda

telah belayar sejauh 27,940 batu nautika dengan berhenti di 155 buah pelabuhan.

Pelayaran selama 644 hari tersebut bermula dari Pelabuhan Klang jam 10 pagi dan berakhir pada 6 November 1996. Baginda telah dilantik sebagai Komander Kehormat PSSTLDM pada 27 Ogos 1998. Perlantikan ini berikutan kejayaan baginda belayar mengelilingi dunia dan seterusnya

pada tahun 2002, baginda dilantik sebagai Kepten Yang Dipertua TLDM sehingga kini.

Penglibatan baginda dalam aktiviti pelayaran dan juga sukan lasak yang lain telah melayakkan baginda untuk diiktiraf sebagai Putera Inspirasi. Baginda juga turut mendapat pengiktirafan dalam Malaysia's Book of Records sebagai "The First Malaysian's Royal Sail Around The World".

FIRST CAPTAIN IN CHIEF (1960-1981)

Peristiwa: 10 Februari 1960 (Rabu)



Pada hari ini dalam tahun 1960, DYMM Sultan Sir Ismail Ibni Almarhum Sultan Sir Ibrahim telah dilantik sebagai Kepten Yang Di-Pertua TLDM yang pertama. Baginda merupakan Sultan Johor yang ketiga dan dilantik ke jawatan ini mulai 10 Februari 1960 sehingga 10 Mei 1981.


Baginda menggantikan ayahandanya, Almarhum DYMM Sultan Sir Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar. Baginda dimahkotakan sebagai Sultan Johor di Istana Besar, Johor Bahru pada 10 Februari 1960.

Baginda mengambil-alih kesinambungan pemerintahan ayahandanya sebagai Kolonel Komandan Askar Timbalan Setia Negeri dan juga merupakan Kepten Kehormat TLDM pada 1960 sehingga 1981. Baginda sering dilihat memakai pakaian seragam tentera dalam kebanyakan majlis sama ada majlis diraja atau majlis bersama rakyat. Baginda juga turut memakai pakaian seragam tentera semasa baginda dimahkotakan sebagai DYMM Sultan Johor. Setelah mangkat pada 1981, baginda digantikan oleh anakandanya, Sultan Iskandar Ibni Sultan Sir Ismail. Baginda dimakamkan di Makam Mahmoodiah, Johor Bahru.

PENGURNIAAN PANJI-PANJI KEPADA TLDM

Peristiwa : 12 Mac 1966 (Sabtu)

Pada hari ini dalam tahun 1966, DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-4, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Sir Zainal Abidin III Muazzam Shah, telah berkenan untuk mengurniakan panji-panji kepada Tentera Laut Diraja Malaysia. Istiadat yang berwarna warni ini telah diadakan di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Woodlands, Singapura. Lebih 1,000 orang telah menghadiri istiadat ini, termasuk Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, Menteri Besar Johor, Datuk Haji Hassan Yunus, Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia, Lt Jeneral Tengku Osman bin Tengku Mohammad Jewa serta pegawai-pegawai kanan tentera laut.



Pengurniaan Panji-panji oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang Ke-4, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah



PENUBUHAN HQ COMMANDER NAVAL FORCES WEST MALAYSIA (COMNAV WEST)


Peristiwa: 29 Mac 1965 (Khamis)

Pada hari ini dalam tahun 1965, Headquarters for Commander Naval Forces West Malaysia (COMNAV WEST) yang berpangkalan di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia Woodlands, Singapura telah ditubuhkan. Kawasan tanggungjawab operasi Commander Naval Forces West Malaysia ialah merangkumi keseluruhan Laut China Selatan yang terletak di barat dari garis bujur 104 darjah timur dan juga pangkalan di Woodlands, Singapura.

Tugas utama Markas ini ialah mengendali semua aset untuk tugas mempertahankan Laut China Selatan di bawah tanggungjawab operasinya. Sebelum tertubuhnya perjawatan Panglima Armada, Commander Naval Forces West Malaysia merupakan pegawai atasan yang bertanggungjawab ke atas pertahanan perairan Semenanjung Malaysia keseluruhannya.

Setelah beroperasi selama 20 tahun dengan mengharungi pelbagai peristiwa dan insiden terutamanya semasa era Konfrontasi. Markas ini merupakan pangkalan utama untuk mengoperasikan aset TLDM iaitu sebahagian besar kapal peronda bagi mengawal perairan Selat Melaka dan Selat Singapura. Setelah keputusan Singapura untuk tidak bersama dalam penubuhan Malaysia, pihak Tertinggi TLDM telah merancang untuk mewujudkan pangkalan baru di Lumut, Perak dan Kuantan, Pahang.

Markas COMNAV WEST telah berpindah ke Tanjung Gelang, Kuantan dan dikenali sebagai Markas Wilayah Laut 1. Pada 28 Okt 85, Markas Wilayah Laut 1 di Tanjung Gelang, Kuantan telah dirasmikan pembukaannya oleh DYMM Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah. Markas Wilayah Laut 1 sebelum ini juga dikenali dengan nama-nama lain seperti 'Markas Kapten KD Malaya', 'Naval Office in-charge West Malaysia' (NOICWM) dan 'Commander Naval Force West Malaysia' (COMNAV WEST). Markas ini bertanggungjawab ke atas semua kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia yang berpangkalan di situ.





PERASMIAN DEPOT BESAR LOGISTIK TLDM

Peristiwa: 3 April 1985 (Rabu)

Pada hari ini dalam tahun 1985, Central Naval Logistic Depot (CNLD) atau Depot Besar Logistik TLDM telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan iaitu YB Dato' Abang Abu Bakar bin Dato' Bandar Abang Haji Mustapha. CNLD telah beroperasi sebagai tonggak keperluan logistik TLDM sejak tahun 1960 di Woodlands, Singapura dan kemudiannya dipindahkan ke Pangkalan TLDM Lumut pada tahun 1981.

Di dalam struktur organisasi yang lama, pembekalan alat ganti kepada Armada TLDM dikendalikan oleh Unit Bantuan Stor Armada (UBSA) yang juga merupakan Unit Bantuan Stor Peringkat Wilayah yang menumpukan kepada tahap pembekalan ketiga dalam konsep pembekalan TLDM. Unit ini menumpukan pembekalan terus alat ganti kepada Armada TLDM yang berpangkalan di Lumut. Manakala CNLD pula berfungsi sebagai depot utama yang bertanggungjawab memenuhi keperluan Unit Bantuan Stor Wilayah dan semua unit di Pangkalan TLDM Lumut termasuk pembekalan alat ganti kepada kapal-kapal yang menjalani pemberian. Pelaksanaan sistem ini telah menyebabkan CNLD dan UBSA terpaksa menyimpan inventori yang sama manakala dari segi keberkesanannya pelaksanaannya, merupakan satu tindakan yang tidak efektif kerana kedua-dua depot tersebut berada di lokasi yang sama. Sementara itu, dari segi perlaksanaan tugas pula, terdapat banyak pertindihan kerja kerana struktur organisasi yang hampir sama.


Pada tahun 1996, sejajar dengan penyusunan semula struktur organisasi TLDM, fungsi CNLD dan UBSA telah digabungkan dan ditukarkan nama sebagai Depot Bekalan Armada (DBA). Pada ketika itu, tampuk pemerintahan DBA diterajui oleh Kept Kamaluddin bin Singah TLDM selaku Pegawai Memerintah pertama. DBA berperanan melaksanakan fungsinya untuk memberi bantuan material kepada unit-unit dan Armada TLDM serta mengurus inventori depot meliputi pengurusan rumah stor, pembelian dan pembekalan.

PENUBUHAN HQ COMMANDER NAVAL FORCES WEST MALAYSIA (COMNAV WEST)

Peristiwa: 27 April 1989 (Khamis)

Pada hari ini dalam tahun 1989, TLDM yang ditubuhkan atas semangat anak watan demi mempertahankan tanah air telah berusia 55 tahun. TLDM telah mencatat sejarah pada tahun ini apabila memulakan sambutan ulang tahun penubuhannya pada tarikh yang baru. Ini kerana, sebelum ini TLDM meraikan sambutan ulang tahun dengan mengambil kira penubuhan pasukan yang bermula pada 1 Julai 1952 sehingga sambutan terakhir diraikan pada tahun 1988 buat kali ke-36.

Perubahan ini dilaksanakan berikutan keputusan kerajaan mengiktiraf tarikh penubuhan TLDM adalah bermula 27 April 1934 dan bukan pada 1 Julai 1952. Sempena sambutan TLDM pada tarikh baru pada tahun ini, pelbagai aktiviti diadakan seperti pameran dan persembahan sempena 55 tahun TLDM.





Kept Anuar Haji Alias TLDM N/401861 merupakan seorang Pegawai PASKAL yang telah menempuh pelbagai insiden sewaktu bertugas sebagai Pegawai Pemerhati dalam Misi Pengaman PBB di Angola iaitu UNIVEM III pada 21 Jan 98. Sepanjang setahun ditugaskan di Angola, beliau ditempatkan di Team Site Bailundo dan Rwanda Headquarters. Pegawai telah mempertaruhkan nyawa sendiri dalam empat siri kejadian menyelamatkan anggota tentera dan penduduk kampung.

Keberanian Merentasi Sempadan

Oleh: PUSMAS TLDM



Latar Belakang

Kept Anuar dilahirkan pada 25 Mac 1962 di Puchong, Selangor. Anak keempat daripada lima beradik ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Puchong pada tahun 1969. Seterusnya beliau menerima pendidikan menengah di Sekolah Menengah Simpang Renggam dan Sekolah Menengah Dato' Haji Hassan Yunos. Sedari kecil, beliau telah menanamkan semangat untuk menyertai pasukan tentera apatah lagi setelah melihat kesegakan dan pergerakan Tentera dalam peristiwa 13 Mei 1969.

Beliau mula menyertai TLDM pada 1 Feb 1981 melalui pengambilan ke-26 di Kem Segenting, Port Dickson. Latihan asas yang diterima pada waktu tersebut lebih menjurus kepada ilmu medan perang, latihan menembak dan latihan kawad. Kemudian, beliau bersama rakan seperjuangan yang lain menjalani latihan di Sekolah Pegawai, KD PELANDOK.

Beliau ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 1 Feb 83 dan kemudiannya diperjawatkan sebagai Pegawai Navigasi di KD BAUNG. Beliau seterusnya diperjawatkan di KD RENCHONG, KD SRI NEGERI SEMBILAN dan KD RAJA JAROM sebelum mengambil keputusan menyertai PAKSAL.

Menyertai Paskal

Beliau terdorong untuk menyertai PASKAL setelah melihat pemakaian beret PASKAL semasa Hari Ulang Tahun PASKAL. Beliau juga rasa terdorong dengan ungkapan "PASKAL memerlukan lebih ramai penglibatan warga TLDM untuk menyertai PASKAL. PASKAL needs you" semasa upacara tersebut. Berbekalkan ungkapan tersebut, beliau yakin untuk menyertai PASKAL.

Kept Anuar telah mengikuti Kursus Asas Penyelam Kapal pada awal 13 Jan 86 dan pada 28 Jul 86, beliau telah mengikuti Kursus Komando Asas.

'Tumpang Nyawa'

Ditanya insiden yang hampir meragut nyawa beliau semasa menjalani latihan, beliau berkongsi detik bahaya semasa melaksanakan latihan payung terjun statik 1,000 kaki di air pada tahun 1988. Pada ketika itu, beliau bersama enam lagi rakan sepasukan telah diberi giliran untuk membuat penerjunan mengikut berat badan dan tugas. Namun, berlaku keadaan genting apabila payung terjun beliau tidak terbuka dan beliau sempat menangkap bahu seorang rakan sepasukan dan menjerit "Zairi, aku tumpang nyawa kau!". Lebih kurang 200 kaki sebelum tiba ke bawah, payung terjun beliau telah terbuka dan mereka selamat mendarat di air tanpa berlaku sebarang kecederaan.

Bertugas di Somalia

Pada tahun 1995, beliau bersama 14 anggota PASKAL dan 14 anggota Rejimen Gerak Khas telah ditugaskan untuk mengikuti pelayaran KD SRI INDERASAKTI dan KD MAHAWANGSA untuk penugasan pengunduran di UNISOM II di Somalia. Pasukan khas ini diperlukan untuk penugasan *anti-sniping*, *close escort* dan tugas khas. Setibanya di Perairan Somalia, kapal-kapal Malaysia bergabung dengan kapal-kapal negara asing bagi membantu dalam penugasan *amphibious withdrawal* of UNISOM II.

'DON'T TRY TO BE A HERO'

Beliau telah terpilih untuk menyertai kursus di Pusat Latihan Pengaman Malaysia (PLPM) pada tahun 1996 dan terpilih untuk bertugas dalam Misi Pengaman PBB pada tahun 1998 di Angola. Menurut beliau, pada ketika itu, tidak ramai yang ditugaskan ke Angola. Sebelum berlepas ke Angola, beliau bertemu dengan Lt Kdr Hamid TLDM yang baru sahaja pulang dari Angola untuk mendapatkan nasihat. Pesanan

yang masih diingati oleh beliau apabila Lt Kdr Hamid mengucapkan "Jangan lupa makan pil Malaria yang dibekalkan. *Don't try to be a hero*. Aku tahu kau PASKAL tapi *don't try to be a hero*". Kata-kata tersebut menjadi cabaran bagi beliau kerana beliau sedar keadaan di Angola sangat mencabar.

Keadaan Di Angola

Seramai tiga orang pegawai ATM dihantar sebagai Pegawai Pemerhati Tentera di Angola manakala seramai 25 orang Pemerhati Polis. Tiada laluan diplomatik setiba di Angola walaupun mereka tiba atas tiket Misi Pengaman. Menurut beliau, setiap yang digambarkan oleh media massa mengenai Angola adalah benar dengan realiti yang dihadapi beliau. Setibanya di kawasan misi, beliau ditempatkan di Team Site Bailundo, Wilayah Tengah Angola iaitu kawasan pemberontak.

Mencari dan Menyelamat

Kejadian pada bulan April, apabila salah sebuah Team Site di N'gove telah diserang oleh Tentera Unita. Beliau telah mencari dan menyelamatkan empat orang Tentera Pemerhati yang disembunyikan oleh penduduk kampung daripada dibunuhan oleh puak pemberontak.

Memasuki Kawasan Periuk Api

Beliau ditugaskan mengetuai kumpulan rondaan untuk memeriksa keadaan di N'gove sebelum bantuan makanan daripada NGO Rwanda memasuki kawasan tersebut. Memandangkan pekan tersebut barusahajadiserang pemberontak, dua buah kereta perisai jenis APC ditugaskan mengiringi pasukan konvoi tersebut. Setibanya di persimpangan N'gove, sebuah APC di belakang meletup kerana terlanggar periuk api anti kereta kebal. Menyedari situasi tersebut,

beliau mengarahkan semua kumpulan konvoi berhenti kerana mereka telah memasuki kawasan periuk api. Beliau mengambil risiko untuk keluar melihat APC yang meletup. Dalam kejadian tersebut, dua tentera Namibia tercedera teruk dan dalam keadaan lemah. Mereka kemudiannya dihantar ke Hospital manakala kumpulan rondaan meneruskan misi mereka sehingga selesai.

Sergahan Ke Atas Pemberontak Di Perkampungan Lomue

Semasa beliau membuat rondaan dari Huambo ke Cuima, pasukan beliau telah bertembung dengan lima orang pemberontak menyerang penduduk kampung pada jarak 200 meter. Walaupun telah dinasihatkan oleh rakan sepasukan agar berdiam diri namun beliau mula hilang sabar melihat kumpulan pemberontak menembak dua wanita dan memukul beberapa orang yang lain. Tanpa disedari, semangat keberanian beliau datang secara tiba-tiba walaupun ketika itu beliau tidak mempunyai sebarang senjata. Beliau telah menjerit "Hei you!" menyebabkan pemberontak tersebut terkejut dan melarikan diri tanpa sempat membawa lari guni makanan yang dirompak.

Bantuan Kemanusiaan

Dalam siri yang berlainan pula, beliau ditugaskan untuk membuat rondaan dari Huambo ke Londuimbali. Apabila pasukan beliau berada di kawasan antara Huambo dengan Alto Hama, sebuah lori trak telah diserang hendap. Pemandu lori telah mati ditembak pemberontak manakala yang lain berlari menyelamatkan diri. Walau bagaimanapun beliau berjaya menenangkan 30 warga awam yang terlibat dalam insiden tersebut. Seramai empat orang tercedera dalam insiden tersebut iaitu seorang lelaki tua, dua wanita dan seorang anak kecil. Insiden tersebut menyebabkan beliau terus berlari menuju ke lori tersebut dan menyerang dua daripada pemberontak tersebut. Manakala tiga pemberontak yang lain milarikan diri. Beliau terus membawa mereka yang tercedera ke Hospital Huambo dan memaklumkan ibu pejabat.

Penganugerahan Pingat Gagah Berani

Di atas keberanian luar biasa sepanjang bertugas sebagai Pegawai Pemerhati di Angola, Yang Di-Pertuan Agong, Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah berkenan menganugerahkan Pingat Gagah Berani (PGB) kepada beliau pada 2 Jun 2000. Penganugerahan ini cukup memberi makna yang cukup besar kepada TLDM kerana beliau adalah wakil tunggal dalam TLDM yang menerima PGB. Walau bagaimanapun, beliau tidak pernah menganggap pingat yang diterima ini merupakan tiket untuk beliau tinggi diri. Beliau sentiasa berpendapat beliau mempunyai banyak kelemahan yang perlu diperbaiki untuk memberi sumbangan yang terbaik dalam TLDM dan ATM.

Perjawatan Kini

Kini beliau bertugas sebagai Pengarah Sel SOPASAS di Markas Angkatan Bersama J3.



DARI MANJUNG KE MINDANAO.....

Magandang Umaga!!

Salam sejahtera dari Iligan City, Mindanao. Bagi yang belum pernah ke Mindanao tentu tertanya-tanya di mana letaknya Iligan City. Ia merupakan sebuah bandar di utara Mindanao dalam Lanao Del Norte Province (seperti di peta yang disertakan). Sebuah bandar biasa sebesar Teluk Intan. Namun ramai tidak mengetahui Iligan City mempunyai satu keistimewaan tersendiri kerana mempunyai lebih dari 23 air terjun semulajadi yang amat indah.



Tujuan saya bukanlah untuk menceritakan tentang muka bumi Iligan City atau Mindanao yang saya rasa maklumat ini dapat ditemui di internet tetapi adalah untuk berkongsi maklumat dan pengalaman yang dilalui oleh mereka yang berpeluang berkhidmat dalam Tim Pemantau Antarabangsa (International Monitoring Team) di Mindanao.

Tarikh 3 Mac 15, merupakan titik mula bagi saya memulakan tugas baru di bumi Filipina. Sebagai tim pendahulu dari Kumpulan IMT-M10 seramai empat orang yang diketuai oleh Mej Gen Dato Sheik Mohsin Sheikh Hassan (Ketua Misi), kami bertolak dahulu ke Cotabato City, Mindanao (melalui Manila) bagi melaksanakan urusan serah ambil tugas dari IMT-M9 sebelum kumpulan induk tiba pada 14 Mac. Kekuatan IMT-M10 adalah 16 orang terdiri dari lima dari Tentera Darat, tiga dari TLDM, tiga dari TUDM, dua dari PDRM dan tiga dari awam. Wakil dari TLDM terdiri dari Laksma Dato' Pahlawan Khairuddin Mohd Arif (IMT HQ, Cotabato City), saya (di TS2, Iligan City) dan Lt Kdr Mohd Yusri bin Md Sah TLDM (IMT HQ, Cotabato City). Setiap Tim Pemantau Antarabangsa Mindanao diberi mandat selama setahun dan tim terkini adalah yang ke-10 (IMT-M10). Kami dijadual bertugas dari Mac 2015 sehingga Mac 2016. Jika misi diteruskan, ianya akan diambilalih oleh IMT-M11.

Kawasan operasi IMT dipecahkan kepada empat kawasan utama dengan Cotabato City bertindak sebagai Ibu Pejabat (HQ). Terdapat 4 Team Site (TS) yang diberi amanah mengawasi empat Kawasan Tanggungjawab (AOR) iaitu TS 1 di Cotabato City, TS 2 di Iligan City, TS 3 di Zamboanga dan TS 4 di General Santos. Selain pegawai dari Malaysia terdapat pegawai-pegawai dari Indonesia, Brunei, Jepun dan Norway menyertai misi ini. Setiap team site diketuai oleh Team Site Leader

(TSL) di mana TS 2 dan 3 diketuai oleh pegawai dari Malaysia sementara TS 1 oleh Brunei dan TS 4 oleh Indonesia. Di sitolah saya berada sekarang sebagai TSL 2 di Team Site 2 - Iligan City. Bersama saya terdapat lima lagi pegawai dari Malaysia, Indonesia dan Brunei serta 13 staf sokongan tempatan. Sebuah banglo yang berpagar tinggi telah disewa di kawasan Pala-o, Iligan City untuk dijadikan team site di mana kami tinggal dan beroperasi.

Sebagai pegawai yang pernah bertugas di MINURSO (The United Nations Mission for the Referendum in Western Sahara) di Sahara Barat satu masa dulu, saya





dapati segala-galanya amat berbeza sekali. Kawasan operasi, mandat yang diberi, ancaman, sokongan logistik, pihak bertelagah, adat resam dan suasana sekeliling adalah jauh berbeza. Walaupun begitu terdapat beberapa perkara yang tidak banyak berubah dari Malaysia terutamanya bagi saya yang baru selesai berkhidmat di Lahad Datu (ESSCOM) selama 22 bulan sebelum ke Mindanao. Waktu solat sama seperti di Sabah, makanan juga boleh disesuaikan (asalkan halal), cuaca pada amnya sama kecuali sekali sekala terdapat amaran taufan dan ribut besar di sini, majoriti boleh berbahasa Inggeris dan terdapat banyak masjid dan surau. Semua tugas sokongan di *team site* dilaksanakan oleh staf sokongan tempatan terdiri dari pemandu, tukang kebun, pekerja am, tukang masak dan staf keselamatan.



Satu perkara yang ketara di sini adalah adanya staf keselamatan (security) yang diperuntukkan di setiap *team site*. Di TS2, terdapat enam anggota keselamatan terdiri dari empat anggota AFP (Armed Forces of Philippines) dan dua dari MILF (Moro Islamic Liberation Front). Pada asalnya hanya terdapat empat anggota namun dua anggota lagi ditambah oleh kerajaan Filipina selepas insiden di Lahad Datu, Sabah. Tugas utama mereka adalah menjaga keselamatan *team site* dan semua pegawai IMT sepanjang masa. Atau lebih tepat sepanjang masa di mana saja. Kadang-kadang terasa layanan diterima seperti Presiden Amerika Syarikat pula yang ditemani oleh anggota keselamatan bersenjata ke mana saja. Selain ketika rondaan dan tugas rasmi, mereka turut mengiringi kita ketika bersukan atau berjoging, ke pasar, bergunting rambut, kedai makan, ke masjid/surau dan sebagainya. Ini adalah bagi mengelak kejadian 'Kidnapping For Ransom (KFR)' yang sering berlaku di sini dan kejadian tembakan rambang oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Sememangnya bumi Mindanao ini kelihatan aman dan tenang tetapi penuh dengan ketegangan dan pergolakan di mana insiden buruk boleh berlaku bila-bila masa sahaja tanpa amaran.

Dalam sebulan pertama saya berpeluang bertemu dengan beberapa *stakeholders* yang terdiri dari Komander dan Vice Chairman MILF, Base Commander MILF, Pegawai Memerintah Brigade

dan Batalion AFP, Ketua Polis, Mayor, Gabenor dan beberapa wakil utama dari *Coordinating Committee on the Cessation of Hostilities* (CCCH) dan *Ad Hoc Joint Action Group* (AHJAG). Saya amat bertuah kerana dengan perjawatan yang diberi ia memudahkan saya bertemu dengan pimpinan tertinggi kedua belah pihak yang bertelagah dengan mudah. Dari pemerhatian, mereka melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan amat profesional dan gigih. Walaupun bagi mencapai objektif mendirikan Kerajaan Bangsamorodi Mindanao merupakan satu cabaran yang getir, namun kedua belah pihak Kerajaan Filipina dan MILF begitu positif matlamat akan tercapai dan keamanan yang kekal di bumi Mindanao akan menjadi realiti satu hari nanti. Secara peribadi mereka sudah letih berperang dan mengharapkan keamanan dapat dicapai dan tahap sosioekonomi dapat dipertingkatkan. Mindanao pada dasarnya sebuah tanah bertuah yang mempunyai bahan galian yang banyak, tanah subur yang luas, tenaga kerja yang ramai dan murah serta keadaan semulajadi yang indah. Ia memerlukan keamanan yang terjamin dan berkekalan bagi membolehkan pelabur luar masuk bagi mempercepatkan proses peningkatan ekonomi penduduk setempat.

Dengan peluang bertemu, melihat dan mendengar rintihan pelbagai lapisan peringkat pimpinan dan rakyat di Mindanao ini, saya tidak boleh lari dari mengucapkan syukur yang tidak terhingga atas anugerahNya kepada saya, keluarga dan seluruh rakyat Malaysia kerana dianugerah negara yang merdeka, aman, makmur dan maju. Rata-rata mereka di Mindanao terutama yang pernah ke Malaysia memuji akan keindahan, kemajuan, kemodenan dan keamanan yang dimiliki kita. Sebagai rakyat Malaysia, saya turut merasa terharu atas pujian pihak luar terutama bila memikirkan ada segolongan rakyat kita yang sentiasa tidak bersyukur atas rahmat yang mereka perolehi hingga kini.

Terdapat banyak amalan di sini membuat saya merasa kehidupan di negara kita jauh lebih baik. Saya terpaksa menunggu dua minggu bagi mendapatkan kad ATM bila membuka akaun di bank di Iligan City. Saya dimaklumkan, mereka perlu menunggu 2-3 bulan bagi mendaftar sebuah kereta yang baru dibeli. Ketepatan masa (punctuality) sentiasa diabai. Mesyuarat, perbincangan atau aktiviti rasmi sentiasa bermula lewat. Kronism pula menjadi amalan biasa terutama dalam pemilihan Mayor dan Gabenor di sebahagian besar kawasan. Sering terjadi Mayor dan Vice Mayor yang terpilih bermusuhan dan ianya memporak-porandakan pentadbiran daerah terbabit. Dalam kes yang lebih berat, insiden tembak menembak antara puak yang menyokong kedua pihak sering berlaku dan dianggap biasa. Di satu kawasan lain, jawatan tersebut menjadi hak keluarga bermula dari bapa, ibu dan kini anak sulung sejak berpuluh tahun dulu. Kita perlu bangga menjadi ANAK MALAYSIA!

Sesungguhnya pembabitan dan prestasi cemerlang pegawai dan anggota dalam misi di merata dunia antaranya di Task Force 151, *Combined Maritime Force* di Manama, misi-misi PBB luar negara dan Tim Pemantau Antarabangsa di Mindanao membuktikan bahawa TLDM mempunyai sumber manusia yang berwibawa dan kita berada di landasan yang baik ke arah mencapai *World Class Navy*. Kita telah buktikan TLDM serba boleh, TLDM serba mampu. Sama-sama kita beriltizam menjadikan TLDM lebih cemerlang dalam semua aspek ke arah merealisasikan sebuah angkatan laut yang kompeten dan kredibel.

Selamat Menyambut Hari Ulang tahun TLDM Ke-81.
SEDIA BERKORBAN.

Kept Rusli bin Ahmad TLDM

(Team Site Leader, Team Site 2 Iligan City, Mindanao)



TEAM SITE 2
International Monitoring Team
0024 Empire Village
Lluch Avenue, Pala-o,
9200 ILIGAN CITY
Mindanao, Philippines
Email: ts2iligan@yahoo.com

PASKAL



HELMET



GOGGLES



BALAACLAVA



NIGHT VISION GOGGLE



RADIO HARRIS



M4 CARBINE



PISTOL HOLSTER



COMBAT BOOT



COMBAT VEST



TACTICAL GLOVE



MAGAZINE POUCH



KNEE/ELBOW GUARD



SUT TEMPUR PASKAL



Helmet – Alat pelindung kepala ini diperbuat daripada struktur bahan khas bagi melindungi kepala daripada objek tajam dan ia juga menyerap daripada hentakan sekiranya terhantuk pada objek yang keras.



Eye Protection – Alat pelindung mata untuk mengelakkan kecederaan yang berpunca daripada habuk, cahaya tembakan dan serpihan kelongsong peluru semasa penyerbuan.



Night Vision Goggle (NGV) – Alat pandang malam yang membantu setiap individu bergerak dan melihat dengan lebih jelas terutama pada waktu malam.



Balaclava – Pelindung muka untuk penyamaran dan mengelak dari dikenali oleh pihak musuh.



Radio Harris – Salah satu alat perhubungan/komunikasi terpenting untuk berhubung antara individu dan tim semasa melaksanakan serbuan.



Combat Vest – Alat pelindung badan (kalis peluru) bagi mengelakkan kecederaan terhadap anggota badan apabila terkena tembakan musuh.



Glove – Sarung tangan yang merupakan pelapis tangan yang biasanya dibuat daripada kulit atau polister untuk melindungi tangan dan sebahagian pelengkap pakaian tempur.



M4 Carbine – Senjata tempur 5.56mm adalah salah satu senjata yang digunakan oleh mana-mana unit pertahanan mahupun pasukan pertahanan. Jarak berkesan untuk membunuh pada jarak 600m.



Pistol Holster – Tempat meletakkan pistol di sisi sebelah kiri atau kanan mengikut kesesuaian anggota.



Magazine Pouch – Tempat meletakkan kelopak senjata di paha sebelah kiri atau kanan. Boleh menyimpan 3 x kelopak peluru pada satu masa.



Knee/Elbow Guard – Pelindung lutut dan siku untuk mengelak daipada cedera terhentak daripada dinding atau lantai semasa penyerbuan dilaksanakan.



Kasut Tempur – Pelindung kaki semasa melaksanakan latihan atau operasi dan sesuai dalam apa juga keadaan permukaan.

OP MURNI LAUT – A ROYAL MALAYSIAN NAVY DIVER'S EXPERIENCE AND PERSPECTIVE

By: Lt Bakhri Shah bin Abdullah RMN

Op MURNI is categorised as a Military Operation Other Than War (MOOTW) by the Malaysian Armed Forces and specifically designed to provide humanitarian aid to the flood victims in the Peninsula and Sabah/Sarawak. This unique operation involves also diving activities and the transfer of flood victims to Flood Transit Centres.


Based on its reliability in Search and Rescue operations, the Diving Unit from KD DUYONG had been directly involved in specials tasks that are not performed by any other rescue agencies. The composition of the team comprises of a Naval Officer in the rank of Lieutenant and 6 navy personnel. All of whom are qualified Clearance Diving specialists.

On 25th December 2014, my team had been deployed to a flood disaster location which was situated in the hinterland of Perak Darul Ridzuan. The area of responsibility was approximately 96 square kilometres (9,308 hectares).

We departed with 3 ton truck and a Gemini boat in tow at 10 pm proceeding to Kampung Gajah. The darkness and heavy rainstorms at the site did not stop us from accomplishing our mission to rescue the victims from their flooded homes even though other agencies had called off their operations due to they were not equipped to operate in darkness. It was the naval training and determination of the divers' ethos that drove us to will ourselves to navigate at night in between of palm oil fields which apparently were transformed into swamps by the floods.

Apart from Clearance Divers from the RMN, other rescue agencies that were involved were the Army, Civil Defence (JPAM), Police (PDRM), RELA, Health Department and the office of District Council. The operation was led by Mr. Shahrul Azim, Chief Assistant District Officer (CADO) of Centre of Perak District.

The office of district council could not determine the actual number of victims that were still trapped in their homes. Initially, the numbers were assumed to be only about a hundred. However, a total of 538 flood victims were transferred safely to the transit centres.



The modus operandi of the rescue operation were as follows:

- Team was transported by truck to the extreme edge of land which was above water, at which point the boat was then deployed.
- Boat is then either pulled (shallow water) or driven (deep water) to the areas which was flooded to transfer rescue victims from their homes.
- Victims were then shuttled to transits which were situated at Dato' Sagor Secondary School or FELCRA Training Centre.
- On the third day of rescue operations, the Member of Parliament Y.B Abdullah Fauzi entrusted on to the Navy team to lead the rescue of over 30 victims from Kg Pasir Garam and they had to be rescued simultaneously. Therefore a proper plan had to be formed in order to achieve this mission. The Navy in collaboration with the Army, JPAM and Fire & Rescue Services formed a convoy of boats in a line formation. The formation was led by the Navy Gemini Boat followed by the Army Assault Boat, 3 x Fire and Rescue Boats and at the rear was the JPAM Boat acting as the safety boat. The mission was a success with the rescue of 37 flood victims who were brought safely to the transits. The Raja Permaisuri of Perak and Raja Muda Perak came to know about this particular mission and thanked the Navy for leading the integrated effort.

The main challenge for my team was in persuading the victims to leave their homes and properties and to consent to be assisted. The presence of dangerous reptiles displaced by the flood waters and floating objects as well as debris made rescue operations much more difficult and at times life threatening.

My appreciation goes to KD DUYONG in continuously supporting the mission by the effective logistics replenishment system and timely change-over of diving teams, enabled the RMN Clearance Diving Team to complete its mission with excellence.

I am proud to say that all my men did their job professionally and passionately and they should walk tall with pride for serving with enthusiasm and altruism.

PENYAMPAIAN CEK KOPERASI TENTERA

Oleh: Perhubungan Awam Markas Pangkalan Lumut

Lumut – Majlis Penyampaian Cek baki wang terkumpul Koperasi Tentera kepada Puan Foziah Abdul Majid, balu Lt Kdr Zainol Abidin Zain TLDM telah disempurnakan oleh Pegawai Kebajikan KD MALAYA, Lt Kdr Sarkinin Tokaichan TLDM bertempat di Taman Samudera, Sri Manjung Perak pada 16 Feb 15.

Pegawai daripada unit KD SRI SEMPONA itu telah meninggal dunia akibat serangan jantung pada 17 Okt 14 yang lalu sewaktu bercuti di Manjung. Moga dengan penyampaian cek ini dapat meringankan beban waris serta dan secara tidak langsung memelihara kebajikan mereka.



MAJLIS PENYERAHAN SURAT UCAPAN TAKZIAH & CEK SUMBANGAN PERIBADI PANGLIMA TENTERA LAUT KEPADA BALU ARWAH LK I JTP RAMLAN BIN NAPPY

SANDAKAN – Satu majlis ringkas penyerahan Surat Ucapan Takziah serta cek sumbangan peribadi Panglima Tentera Laut (PTL) kepada Puan Nurzulaikha Lambo iaitu balu kepada Allahyarham LK I JTP Ramlan Nappa telah dilaksanakan di Rumah BAKAT (L) Markas Pangkalan TLDM Sandakan pada 14 Feb 15. LK I JTP Ramlan telah meninggal dunia pada 24 Jan 15 akibat kemalangan jalanraya di KM 17 Jalan Lahad Datu-Kunak. Allahyarham merupakan anggota Bot Kombat CB 214.

Majlis telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan Sandakan (KOMPAS), YBhg Laksamana Pertama Ahmad Abdullah. Pegawai Memerintah KD SRI SANDAKAN, KD SRI GAYA, KD SRI TIGA, Timbalan Pengerusi serta AJK tertinggi BAKAT (L) Sandakan turut hadir pada majlis tersebut. Majlis dimulakan dengan penyerahan Surat Ucapan Takziah dari PTL, diikuti cek sumbangan peribadi PTL bernilai RM500 kepada Puan Nurzulaikha serta hasil kutipan derma daripada warga Markas Pangkalan TLDM Sandakan kepada beliau.

Dalam majlis yang sama, Puan Nurzulaikha turut menghulurkan sumbangan surah Yasin kepada KOMPAS untuk kegunaan Markas sebagai satu jalan agar pahala amal jariah ini dapat disedekahkan kepada arwah suami beliau.

Dalam ucapannya, KOMPAS merakam ucapan takziah mewakili seluruh warga markas atas kehilangan suami tersayang dan berharap agar Puan Nurzulaikha terus tabah dan cekal menghadapi situasi yang sukar ini serta redha dengan ketentuan Illahi. Beliau juga menyatakan pihak Markas akan mengambil tindakan segera agar segala hak-hak arwah akan dapat diselesaikan

dengan segera dan memohon Puan Nurzulaikha terus berhubung dengan pihak Markas untuk memantau serta mengikuti perkembangan segala bentuk tuntutan yang telah dan sedang diusahakan oleh pihak Markas bagi pihak arwah.

Di akhir majlis, Puan Nurzulaikha menzahirkan rasa terharu serta mengucapkan terima kasih yang tak terhingga atas keperihatinan PTL serta pihak pengurusan Markas TLDM Sandakan yang telah banyak menghulurkan bantuan. Puan Nurzulaikha merupakan seorang Jururawat di Klinik Karamunting, Sandakan dan mempunyai seorang cahaya mata lelaki, Rayyan Izz Mikhael berusia 2 tahun 6 bulan dan menetap di Blok G1, RK TLDM Taman Samudera Batu 5, Sandakan semasa bersama arwah.



LATIHAN MELAWAN KEBAKARAN MENGERATKAN KERJASAMA TLDM & BOMBA SABAH

Oleh: Kdr Ir. Shahriman Shawaluddin TLDM Foto: PW I TMK Saiful Ali

TUARAN - Pusat Latihan Kapal Selam TLDM (PLKS) telah menganjurkan Latihan Melawan Kebakaran (LMK) Siri 1/15 di Akademi Bomba dan Penyelamat (ABP), Tuaran, Sabah mulai 9 hingga 12 Feb 15.

Latihan yang dihadiri oleh 40 warga AKAS TLDM dan dikendalikan oleh jurulatih berpengalaman daripada ABP Tuaran itu bertujuan untuk melengkapkan pelatih

kapal selam dan warga Angkatan Kapal Selam (AKAS) dengan kemahiran yang diperlukan untuk menangani insiden kebakaran secara umum tetapi realistik. Selain itu, ia juga memberikan pendedahan kepada prosedur dan teknik yang betul untuk membina keyakinan diri serta semangat kerja berpasukan kepada warga AKAS sebagai persediaan dalam menghadapi situasi sebenar.

Antara latihan yang dilaksanakan termasuklah:

- Breathing Apparatus Training Gallery (BATG).* BATG merupakan latihan pemantauan dan pengukuran tahap pengawalan pernafasan serta emosi semasa bertindak di dalam keadaan sempit dan berisiko sewaktu operasi menyelamat. Setiap peserta perlu melepassi halangan yang telah ditetapkan dalam ruang yang tertutup dan sempit mengikut keperluan latihan. Faedah sampingan yang diperolehi daripada latihan ini ialah ia membantu mengurangkan masalah claustrophobia iaitu fobia di tempat yang sempit terutamanya ketika latihan dikendalikan dalam keadaan gelap. Ia turut memberi kesedaran betapa pentingnya sifat bertenang semasa menghadapi kesukaran untuk bergerak dalam suasana yang sempit dan panas.
- Compartment Fire Behavior Training (CBFT).* CFBT merupakan latihan pengendalian hos dan pengawalan nozzle serta tatacara memadam kebakaran dalam ruangan tertutup. Latihan ini turut meningkatkan kemahiran warga AKAS dalam memakai *fire fighting suit* dengan betul dan pantas bila diperlukan. Ia juga menanam sikap berhati-hati dan berfikir secara rasional sebelum melaksanakan sesuatu misi dengan terlebih dahulu menganalisa situasi dan seterusnya melaksanakan prosedur yang betul.

LMK yang dilaksanakan di ABP Tuaran, Sabah ini telah berjaya dilaksanakan dengan selamat dan mencapai objektif yang ditetapkan. Pada masa yang sama ia turut memberi tiga faedah besar kepada AKAS dan TLDM iaitu:



- Penjimatkan kos yang ketara. Ini dapat direalisasikan kerana lokasi ABP yang terletak di Tuaran, Sabah hanya mengambil masa kira-kira 45 minit perjalanan. Sekiranya ia dilaksanakan di Penyelaku TANGKAS, KD PELANDOK (KDP), ia membawa kepada implikasi kos yang besar khususnya yang berkaitan dengan pengangkutan, sajian dan penginapan. Berdasarkan pengiraan, latihan LMK di ABP Tuaran untuk 80 warga AKAS telah menjimatkan wang kerajaan sebanyak RM158,608 setiap tahun.
- Penggunaan sumber manusia yang efektif. LMK ini mengambil masa selama empat hari dan melibatkan 40 peserta setiap sesi. Sepanjang tempoh latihan, peserta hanya menghabiskan waktu kerja untuk melaksanakan latihan seterusnya kembali ke unit masing-masing. Sekiranya ia dilaksanakan di KDP, kekuatan warga AKAS khususnya dari Skuadron Kapal Selam akan berkurangan bagi tempoh sekurang-kurangnya enam hari kerana berada di luar kawasan. Malah ia boleh menjangkau tempoh sehingga lapan hari kerana tiada penerbangan CATAR Udara yang disediakan pada hujung minggu. Ini boleh menjelaskan kesiagaan kapal selam khususnya jika berlaku sebarang kecemasan.
- Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Langkah untuk mengoptimumkan kemudahan sedia ada di jabatan dan agensi kerajaan ini juga adalah selari dengan aspirasi kerajaan untuk menjimatkan kos. Ia boleh dilihat sebagai inisiatif PLKS khasnya dan TLDM amnya untuk menyokong NBOS.

PERANAN PSSTLDM dalam MENDOKONG MISI dan VISI TLDM

Oleh: PKK Norzuhaira binti Ruhanie Psstldm

Setiap cabang di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempunyai pasukan simpanan masing-masing yang berfungsi sebagai barisan kedua pertahanan setiap perkhidmatan. Setiap pasukan simpanan menyumbang kepada ketahanan nasional dengan memenuhi keperluan perkhidmatan masing-masing di dalam pelbagai aspek.

Sejarah penubuhan Pasukan Simpanan Sukarela (PSSTLDM) bermula pada tahun 1934 di Singapura dan dikenali sebagai Straits Settlement Naval Volunteer Reserve (SSNVR). Tercetusnya Perang Dunia Kedua merupakan pemangkin penubuhannya oleh kerajaan British, di mana 27 April tahun yang sama turut menjadi tarikh penubuhan TLDM.

Dua komponen utama di dalam PSSTLDM adalah Simpanan Pilihan dan Simpanan Sukarela Biasa. Komponen pertama merangkumi Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) di institusi pengajian tinggi serta Pasukan Latihan Anggota Simpanan (PLAS) di politeknik dan institut kemahiran terpilih di seluruh negara. Komponen kedua pula terdiri daripada individu awam yang berkerjaya sama ada golongan profesional atau bukan profesional.

Selain itu, komponen lain PSSTLDM termasuk Simpanan Pakar, Simpanan Khusus dan Simpanan Angkatan Tetap. Melalui kerjasama dan perkongsian strategik di antara TLDM dan

MISC Bhd, pengoperasian kapal auksiliari Bunga Mas 5 dan Bunga Mas 6 telah mewujudkan kumpulan PSSTLDM di kalangan pekerja MISC yang menjadi kru kedua-dua buah kapal tersebut.

Tidak sama seperti perkhidmatan tetap, warga PSSTLDM terdiri daripada pelbagai individu dengan latar belakang yang berbeza, terutama dari segi kepakaran dan pengalaman. Bidang kerjaya yang berlainan termasuk bidang akademik, perniagaan, kejuruteraan dan perkapalan merupakan kelebihan warga PSSTLDM kerana mereka dapat bergaul sesama sendiri dan berkongsi pengalaman dan pengetahuan masing-masing di samping mendalami ilmu ketenteraan melalui latihan PSSTLDM.

Bagi PALAPES dan PLAS, aktiviti di dalam PSSTLDM merupakan pilihan ko-kurikulum di mana bakal pegawai PALAPES akan ditauliahkan di tahun ketiga pengajian dan anggota PLAS akan tamat latihan mereka pada tahun akhir.

Pengambilan Simpanan Sukarela Biasa pula diadakan di unit-unit PSSTLDM mengikut keperluan masing-masing. Terdapat sebanyak lima unit PSSTLDM bertauliah iaitu KD SRI MANJUNG, KD SRI MEDINI, KD SRI KLANG, KD SRI LIKAS dan KD SRI PINANG. Unit belum ditauliahkan dikenali sebagai unit Pasukan Simpanan



Menembak antara latihan yang sering dinantikan oleh warga PSSTLDM

Tentera Laut (PSTL) dan terdapat enam unit sedemikian iaitu PSTL Kuantan, PSTL Kuching, PSTL Labuan, PSTL Sandakan, PSTL Setiu dan PSTL Tawau.

Penyertaan individu awam di dalam PSSTLDM adalah sangat menggalakkan. Rata-rata mereka menyertai pasukan simpanan kerana minat yang telah lama ada terhadap perkhidmatan dan juga kerana ingin menyumbang kepada negara.

Pada masa kini, ramai di antara warga PSSTLDM yang berjawatan di tahap yang tinggi seperti ketua jabatan, pengurus besar dan pengarah syarikat serta ahli professional seperti akauntan, peguam dan doktor perubatan.

“Tidak dapat masuk navy, dapat jadi navy reservist pun sudah bagus,” merupakan komen yang selalu didengari di kalangan warga PSSTLDM.

Namun begitu, tahap keaktifan ahli PSSTLDM boleh dipertingkatkan



Turut terlibat dalam perbarisan audit pengurusan

lagi untuk mencapai matlamat Pelan Strategik TLDM 2013-2020 iaitu untuk ‘mempunyai pasukan simpanan yang aktif’, sejajar dengan konsep HANRUH (Pertahanan Menyeluruh) di dalam Dasar Pertahanan Negara.

Insentif seperti peluang mengikuti lawatan operasi dengan kapal-kapal TLDM dan pembayaran saguhati (bounty) bagi mereka dengan rekod kehadiran yang baik serta aktiviti-aktiviti yang boleh menarik minat ahli PSSTLDM adalah antara cara pihak pengurusan PSSTLDM dapat memastikan komitmen yang diberikan oleh warga PSSTLDM berada di tahap maksimum.

Walau bagaimanapun, terdapat banyak kekangan dan cabaran yang dihadapi pihak pengurusan PSSTLDM untuk memelihara tahap prestasi yang tinggi pada setiap masa. Antara cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan PSSTLDM pada ketika ini termasuk masalah persepsi yang melibatkan pengurusan sumber manusia, latihan yang berkesan dan kecekapan jurulatih. Masalah persepsi ini merupakan satu cabaran yang tidak mudah untuk ditangani kerana ia memerlukan pemahaman oleh kesemua pihak yang terlibat untuk menukar persepsi masing-masing.

Di kalangan warga PSSTLDM, terdapat perasaan tidak puas hati kerana mereka merasakan kehadiran mereka tidak diterima sepenuhnya oleh anggota dan pegawai tetap. Situasi ini mungkin berlaku kerana komitmen dan kehadiran warga PSSTLDM yang tidak konsisten telah banyak mengganggu kelancaran aktiviti yang dirancang untuk meningkatkan tahap kemahiran mereka.

Sebaliknya, ada warga TLDM merasakan bahawa ahli PSSTLDM lebih diberi perhatian, diperlakukan sebagai ‘anak emas’ yang turut melahirkan ketidakpuasan hati di kalangan mereka. Keadaan ini boleh menghasilkan ketegangan yang boleh memudaratkan perhubungan di antara kedua-dua entiti yang sepatutnya bekerjasama untuk memelihara keselamatan negara.

Bagi warga PSSTLDM, adalah perlu bagi pihak pengurusan untuk melihat kepada kekuatan mereka dari segi kepakaran dan semangat kesukarelaan yang ditunjukkan. Ramai di kalangan mereka memberi komitmen terhadap PSSTLDM tanpa mengira wang ringgit. Malah, banyak yang dihabiskan untuk mendapat peluang mendalamai ilmu ketenteraan dan meningkatkan kemahiran mereka sebagai seorang ahli pasukan simpanan. Ada juga yang menyumbang kepakaran awam mereka untuk melancarkan lagi operasi TLDM seperti di dalam bidang teknologi maklumat dan sistem pengurusan.

Sumber manusia pasukan simpanan, jika dapat dipupuk semangat kesukarelaan mereka, ditambah dengan insentif seperti peluang menghadiri kursus yang sesuai serta latihan praktikal yang berimpak tinggi bagi memantapkan lagi kemahiran mereka dari segi ketenteraan, tentu berupaya untuk menghasilkan



Latihan seperti penyelaku anjungan WASPADA memberi peluang kepada warga PSSTLDM untuk mendalami ilmu kelautan tetapi perlu ditambah dengan latihan di kapal

warga PSSTLDM yang dikira layak untuk berdiri bersama anggota tetap.

Namun, tidak dinafikan bahawa tahap kehadiran warga PSSTLDM yang rendah merupakan satu masalah yang menular akibat kekangan daripada majikan, terutama bagi mereka yang bekerja di sektor swasta. Meskipun ada akta yang digubal khusus bagi warga pasukan simpanan apabila ada majikan yang gagal melepaskan pekerjanya mengikuti latihan atau kursus, akta tersebut tidak digunakan oleh kedua-dua belah pihak dengan sebaik-baiknya.

Keberkesanan latihan juga menjadi faktor ketidakhadiran warga PSSTLDM ke unit. Walaupun pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Dex atau KPI) merupakan teras utama dalam merancang sesuatu latihan, pihak pengurusan PSSTLDM boleh mencari jalan untuk mengolah cara latihan dijalankan dengan menyuntik elemen yang ditambah nilai (value added). Sebagai seorang civilian yang bekerja, anggota PSSTLDM rata-rata dilatih untuk berfikir di luar kotak (outside the box) apabila mencari jalan untuk meningkatkan prestasi kerja atau tahap kualiti sesuatu tugas dan mereka berfikiran yang sama apabila menjalani latihan.

Contohnya, satu latihan menembak berkala yang diadakan boleh memberi fokus kepada tahap ketepatan penembakan selain aras penembakan yang diajar oleh jurulatih persenjataan pada setiap kali latihan. Warga PSSTLDM yang berminat dengan aktiviti ini sudah tentu akan berusaha untuk memperbaiki kemahiran menembak masing-masing, sekiranya jurulatih dapat membimbing mereka dengan berkesan.

Secara tidak langsung, jurulatih juga dapat melihat peningkatan dari segi keupayaan setiap PSSTLDM yang menjalani latihan dan boleh mengenalpasti pelatih yang masih memerlukan bimbingan tahap asas dan mereka yang boleh menerima latihan yang lebih sukar.

Perkongsian idea untuk merancang sesuatu latihan dan aktiviti juga boleh menghasilkan sesuatu kelainan yang mungkin boleh memberi kesan yang lebih positif dari segi impak dan pemahaman warga PSSTLDM.



Kapal aksiliar Bunga Mas 6, hasil kerjasama dan perkongsian strategik TLDM dan MISC Bhd

Tidak dinafikan wujud juga kekangan di pihak pengurusan PSSTLDM, termasuk kualiti jurulatih yang ada di sesbuah unit pasukan simpanan. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Memerintah dan Pegawai Staf untuk memantau tenaga pengajar bagi memastikan apa yang diajar adalah yang tepat mengikut buku rujukan dan mengikut arahan semasa. Majoriti warga PSSTLDM ingin mendapat seberapa banyak ilmu ketenteraan yang boleh dan tentunya ada yang merasa kecewa jika keperluan ini tidak ditangani. Pengetahuan tentang pentadbiran TLDM, hal-hal rekod, surat-menyurat juga pastinya membantu anggota dan pegawai simpanan bekerjasama dengan anggota tetap di unit PSSTLDM terutama dalam menjayakan sesuatu aktiviti dan juga mengemaskini dokumen peribadi mereka.

Realitinya adalah ramai yang belajar daripada anggota dan pegawai simpanan yang lebih senior yang mungkin tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dan mungkin sudah tidak digunakan lagi di dalam perkhidmatan. Ilmu kelautan juga tidak ramai yang memahaminya dengan mendalam kerana peluang untuk latihan praktikal di atas kapal adalah terhad, samada kerana tiada kekosongan di kapal atau kekangan masa cuti yang diberikan oleh majikan.

Walaupun terdapat isu-isu di dalam pengurusan sumber manusia pasukan simpanan yang perlu ditangani, peranan pasukan simpanan di dalam TLDM adalah penting dan sumbangan mereka masih diperlukan. Mungkin ada pihak yang hanya melihat kepada pulangan pelaburan (return of investment -

ROI) dari segi jumlah wang yang diperuntukkan untuk PSSTLDM dan merasakan ia tidak berbaloi. Namun, ada perlunya pasukan simpanan ini dilihat secara lebih holistik, merangkumi aspek sumbangan mereka sebagai warga simpanan kepada masyarakat dan bukan sahaja kepada TLDM.

Seorang warga simpanan yang cemerlang dan boleh dicontoh ialah mendiang Rear Admiral Grace Murray Hopper USN, seorang warga pasukan simpanan Tentera Laut Amerika Syarikat (AS) yang merupakan seorang pakar komputer dan merupakan seorang pegawai dengan rekod perkhidmatan terpanjang selama 79 tahun lapan bulan. Seorang pakar komputer, Rear Admiral Hopper terlibat dengan penghasilan bahasa dan teknologi komputer yang digunakan oleh Tentera Laut AS bermula dari masa Perang Dunia Kedua.

Jati diri seorang ahli pasukan simpanan, jika dijaga dan ditambah dengan ilmu ketenteraan yang relevan, sudah pasti memberikan ROI yang tinggi bagi perkhidmatan. Tidak mustahil Malaysia juga akan mempunyai seorang warga pasukan simpanan seperti Rear Admiral Hopper di masa hadapan.



Warga PSSTLDM bukan sahaja menyumbang terhadap keselamatan negara tetapi juga masyarakat setempat



Warga KD SRI KLANG, salah satu unit PSSTLDM yang terdapat di seluruh Malaysia

LATIHAN MKMA PSSTLDM KD SRI KLANG

Oleh: Lt Mohd Yusairy bin Mohd Yusri TLDM



Latihan dimulakan dengan senaman ringkas



Jurulatih MKMA menyampaikan taklimat berkaitan APAK



Jurulatih, BK TMK Ahmad Suzalmi menunjukkan cara pemadam api menggunakan APAK



Gambar kenangan peserta kursus

LUMUT - Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM) dari KD SRI KLANG telah melaksanakan Latihan Mengawal Kebanjiran dan Melawan Api (MKMA) dengan jayanya di Sekolah CBRNDC, KD PELANDOK pada 8 Feb 15.

Latihan yang dihadiri seramai 42 pegawai dan anggota ini adalah sebahagian dari RALA KD SRI KLANG 2015 yang telah dirangka. Secara keseluruhan, objektif latihan adalah untuk memahirkan pegawai dan anggota PSSTLDM berkenaan aspek latihan praktikal MKMA dan memberi pendedahan situasi sebenar kebakaran.

Kesemua latihan yang dilaksanakan adalah di bawah seliaan dan tunjuk ajar Jurulatih Sekolah CBRNDC yang diketuai oleh Ketua Sekolah CBRNDC Lt Mohd Zaini Mohd Yusop TLDM dan dibantu Lt Mohd Yusairy Mohd Yusri TLDM, PW II TMK Mohd Zamzuri Saleh, BK TMK Suzalmi Sulaiman dan BK TLS Mohd Nawawi Chik. Turut hadir adalah Pegawai Memerintah KD SRI KLANG, Kdr Prof Madya Dr. Jamalulaili Abdullah PSSTLDM.

Latihan dimulakan dengan kelas pengenalan kepada Alat Pemadam Api Kecil (APAK), diikuti dengan latihan praktikal penggunaan APAK mengikut kelas api.

Latihan berkala sebegini telah memberi impak positif kepada pegawai dan anggota PSSTLDM bagi memantapkan lagi ilmu dan pengalaman di dalam perkhidmatan khususnya di dalam aspek MKMA.

SUMBANGAN PSSTLDM DALAM MENANGANI BENCANA ALAM

Oleh: Lt Faruqkhizam bin Hamzan PSSTLDM

Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan bencana banjir yang disifatkan sebagai antara yang terburuk sejak sedekad ini. Dua insiden banjir sebelum ini berlaku pada tahun 2006 mencatat jumlah mangsa yang dipindahkan seramai 140,000 orang sementara pada tahun 2010 mencatatkan peningkatan sehingga 230,000 orang. dan 2010. Kenyataan tersebut telah dikeluarkan oleh MKN dalam laman webnya pada tahun 2013. Namun begitu, banjir pada tahun 2014 pula adalah yang terburuk dengan mencatatkan lebih 300,000 orang dipindahkan. Keadaan ini menimbulkan satu masalah baru dalam negara apabila kerajaan terpaksa menggerakkan banyak aset dan agensi-agensi yang berkaitan ke negeri-negeri yang teruk terjejas seperti di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak. TLDM tidak

berkecuali dalam memberi sumbangan yang tidak kurang pentingnya dalam menghadapi krisis ini.

Salah satu elemen penting yang dimiliki oleh TLDM dalam memberi bantuan semasa kecemasan sebegini adalah PSSTLDM. PSSTLDM adalah benteng kedua dalam pertahanan maritim negara. Selaras dengan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) iaitu konsep pertahanan yang melibatkan seluruh agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan serta rakyat jelata dalam mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara. Ini bermakna, PSSTLDM adalah satu aset yang patut digembeleng dalam merealisasikan usaha ini kerana keanggotaan dalam unit tersebut terdiri daripada

kakitangan kerajaan atau swasta sama ada dalam bidang profesional atau separuh mahir yang sudah pasti mempunyai banyak pengalaman di sektor awam. Pengalaman berinteraksi dengan orang awam adalah sangat penting memandangkan usaha-usaha operasi bencana sebegini memerlukan penglibatan semua pihak termasuk hubungan di antara tentera dan awam.

PSSTLDM terdiri daripada unit-unit seperti KD SRI PINANG dan KD SRI MANJUNG di sebelah utara Semenanjung Malaysia, KD SRI KLANG di bahagian tengah dan KD SRI MEDINI di selatan. Bagi negeri-negeri di Malaysia Timur, unit-unit yang ada adalah PSTL Kuching di negeri Sarawak dan di negeri Sabah terdapat 3 unit iaitu PSTL Sandakan,



Pegawai dan anggota PSSTLDM bergotong royong menyediakan hidangan makan malam dan tengahari kepada mangsa di Puasat Pemindahan Banjir SMK Sungai Ranggam, Kota Setia, Perak

PSTL Labuan dan PSTL Tawau. Lokasi unit-unit PSSTLDM yang strategik merupakan satu kelebihan untuk membolehkan sumbangan khidmat bakti PSSTLDM bukan sahaja sewaktu peperangan malah memberi perkhidmatan kepada masyarakat sekitar sekiranya keadaan memerlukan seperti bencana banjir.

Contoh terbaik adalah PSTL Setiu yang terletak di Pantai Timur mengambil inisiatif dengan kemudahan bot yang terhad telah bersama-sama dalam usaha memindahkan mangsa banjir di Terengganu. KD SRI MANJUNG pula terlibat dalam khidmat pengurusan mangsa di pusat pemindahan banjir dan juga Projek Jiwa Murni pasca banjir daerah Perak Tengah. Penglibatan awal ini menunjukkan bahawa PSSTLDM sudah bersedia dan mampu untuk diaugmentasikan sekiranya keadaan yang sebenar terjadi. Latihan-latihan yang diterima dan pengalaman yang diperolehi semasa dalam PSSTLDM boleh digunakan dan dipraktikkan. Selain daripada itu, unit-unit dalam PSSTLDM juga perlu dilengkapi atau tambahan peralatan lagi seperti bot getah, jaket keselamatan, alatan

menyelam dan lain-lain supaya tugas yang akan dilaksanakan nanti menjadi lebih efektif.

Pihak pemerintahan TLDM perlu melihat perkara ini sebagai satu dimensi baru dalam aset yang sedia ada dan perlu menyokong sepenuhnya fungsi dan tanggungjawab PSSTLDM. Usul atau cadangan yang dikemukakan oleh TLDM kepada MKN perlu mengambil kira untuk mengaturgerakkan PSSTLDM sebagai salah satu SOP dalam menghadapi sesuatu bencana. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, latar belakang pegawai dan anggota PSSTLDM yang mempunyai kemahiran yang pelbagai dapat digunakan dan secara tidak langsung memberi gambaran yang positif oleh orang awam kepada TLDM. Kalau dilihat, Askar Wataniah mempunyai pelbagai aset dan kelengkapan malah unit-unit pakar seperti Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD Askar Wataniah dan Rejimen Pakar Pengendalian Bekalan Elektrik Ke-70 RAJD AW dengan usaha sama Puncak Niaga (M) Berhad telah berjaya digerakkan dalam Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bekalan Air Bersih (Ops Murni) untuk membantu mangsa banjir di Pantai Timur.



KEMUDAHAN PENDIDIKAN DALAM ATM

Oleh: Sel Pendidikan Am

SKIM BIASISWA YAYASAN WARISAN PERAJURIT (YWP) UNTUK ANAK-ANAK ANGGOTA ATM

1. LTAT telah menyediakan Skim Yayasan Warisan Perajurit (YWP) untuk anak-anak anggota tentera sebagai pengiktirafan kepada kecemerlangan mereka di peringkat UPSR, PMR dan juga bantuan bagi anak-anak anggota yang mengikuti pengajian peringkat Ijazah di IPTA. Biasiswa YWP ini telah dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pertahanan Malaysia pada 4 Mei 2000.
2. Semua anak-anak anggota yang masih berkhidmat dan yang telah bersara layak untuk memohon biasiswa bagi peringkat UPSR dan PT3 manakala bagi bantuan IPTA hanya untuk anggota yang masih berkhidmat sahaja. Borang permohonan bagi anak-anak ATM yang masih **berkhidmat/Kerahan Sepenuh Masa adalah melalui Jabatan Arah Pendidikan** manakala bagi anak-anak ATM/Kerahan Sepenuh Masa yang telah bersara/tamat perkhidmatan hendaklah melalui Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM)/Persatuan Veteran ATM Bahagian/Cawangan negeri masing-masing.
3. Walau bagaimanapun, selaras dengan perubahan PMR kepada PT3 di bawah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), Lembaga Amanah YWP menerusi Resolusi Pekeliling bertarikh 10 Oktober 2014 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah LTAT Siri 3/2014 pada 23 Oktober 2014 telah bersetuju untuk menyelaraskan Anugerah Kecemerlangan Akademik (AKA) ATM dan Skim Biasiswa Yayasan Warisan Perajurit (YWP) mengikut perubahan Sistem Pembelajaran Penilaian Menengah Rendah (PMR) kepada Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang berkuatkuasa mulai tahun 2014 kepada **Anugerah Kecemerlangan Pendidikan LTAT-YWP (AKP LTAT-YWP)**. Bagi Peperiksaan UPSR, tiada perubahan penjenamaan dan syarat-syarat masih dikekalkan seperti sedia ada.
4. Mulai tahun 2006 borang Yayasan Warisan Perajurit (YWP) hanya dikeluarkan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Borang boleh diperolehi dengan melayari laman web LTAT: www.ltat.org.my/ywp atau mengambil sendiri, pengambilan berkelompok ataupun melalui Pos* dengan menyertakan salinan berikut:
 - a. 1 salinan keputusan peperiksaan UPSR yang disahkan oleh pasukan/Pengetua Sekolah (keputusan peperiksaan dari Lembaga Peperiksaan Malaysia sahaja yang diterima).
 - b. 1 salinan My Tentera ibu/bapa.
 - a. Salinan surat Akuan Sumpah dari Pesuruhjaya Sumpah/PERBAH 2 (jika anak angkat/tiri).

* Sampul surat berukuran 25 cm x 14 cm beralamat sendiri, berstem RM 0.80 (tulis 'Borang Biasiswa' di sebelah kiri sampul)
5. Mulai tahun 2007 kadar biasiswa adalah seperti berikut:

a. UPSR	
(1) 5A - RM 450.00 setahun	untuk tempoh 3 tahun.
(2) 4A 1B - RM 350.00 setahun	untuk tempoh 3 tahun.
(3) 4A 1C - RM 200.00 setahun	untuk tempoh 3 tahun.
b. IPTA. Bantuan sebanyak RM1,000.00 untuk kemasukan ke IPTA bagi anak-anak anggota yang masih berkhidmat dan telah mendapat tawaran mengikuti pengajian peringkat Ijazah pertama sahaja di Universiti Awam (IPTA) dalam negara yang diiktiraf oleh kerajaan sahaja. (tamat pengajian SPM/SPMV/Matrikulasi/STPM sahaja yang layak memohon , berumur tidak melebihi 21 tahun, bukan dikalangan pemegang Diploma atau pelajar Diploma yang ditawarkan Program Penerapan/Trek Pantas ke peringkat Ijazah pertama dan pengajian hendaklah sepenuh masa).	
6. Borang permohonan YWP bagi anak-anak ATM yang berkelayakan boleh diperolehi melalui laman web LTAT. Borang permohonan yang lengkap perlu dimajukan ke Jabatan Arah Pendidikan. Disertakan bersama dokumen-dokumen berikut:

- a. Salinan keputusan peperiksaan UPSR yang disahkan oleh Pasukan/Persatuan Veteran ATM/pihak sekolah (keputusan peperiksaan dari Lembaga Peperiksaan Malaysia sahaja yang diterima).
- b. Salinan sijil kelahiran dan kad pengenalan pelajar yang disahkan oleh pasukan/pihak sekolah.
- c. Salinan buku akaun BSN (GIRO)/Affin Bank persendirian pelajar sahaja (bukan akaun bersama) yang disahkan oleh pasukan/pihak sekolah.
- d. Salinan surat Akuan Sumpah dari Pesuruhjaya Sumpah/PERBAH 2 (jika anak angkat/tiri).
- e. Salinan sah My Tentera saiz A4 (ibu/bapa/penjaga yang masih berkhidmat).
- f. Salinan Buku Persaraan bagi bekas tentera (yang tertera maklumat diri).

Syarat tambahan bagi IPTA

- a. Salinan sah Surat Tawaran ke IPTA.
- b. Salinan Resit Bayaran Yuran yang telah disahkan oleh pihak pendaftaran IPTA.
- c. Salinan sah Keputusan/Sijil SPM dan Keputusan Matrikulasi/Asasi/Foundation/STPM.
7. Syarat-syarat permohonan bagi ketiga-tiga kategori adalah seperti berikut:

a. UPSR.

- (1) Menduduki peperiksaan UPSR dengan mendapat keputusan 5A, 4A1B dan 4A1C sahaja.
- (2) Sertakan salinan sah keputusan peperiksaan dari Lembaga Peperiksaan Malaysia. Hanya mata pelajaran teras seperti berikut sahaja yang diambil kira.
 - (a) Bahasa Melayu (Pemahaman).
 - (b) Bahasa Melayu (Penulisan).
 - (c) Bahasa Inggeris.
 - (d) Matematik.
 - (e) Sains.
 - (f) dan tambahan bahasa Cina atau Tamil bagi pemohon dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina/Tamil.
- (3) Permohonan hanya diterima untuk peperiksaan tahun semasa sahaja.

b. IPTA

- (1) Hanya layak untuk anak-anak ATM (ibu/bapa) yang masih berkhidmat sahaja.
- (2) Telah mendapat tawaran mengikuti Pengajian Ijazah Pertama di Universiti Awam (IPTA) dalam negara dan diiktiraf sahaja.
- (3) Permohonan bagi kemasukan dalam tahun semasa sahaja.
- (4) Pengajian sepenuh masa.
- (5) Salinan sah surat tawaran daripada Pusat Pengajian Tinggi Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- (6) Sertakan resit bayaran yang telah disahkan oleh pihak pendaftaran IPTA.
- c. Jika anak angkat/anak tiri hendaklah disertakan salinan sah surat pengesahan penjaganya daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat/Pesuruhjaya Sumpah atau surat pengisytiharan PERBAH II Pasukan.
- d. Butiran nama penerima dan nama bapa di dalam Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Slip Keputusan Peperiksaan dan Buku Akaun hendaklah sama dari segi ejaan nama.

'SETIAP SALINAN FOTOSTAT HENDAKLAH BERSAIZ A4'

- e. Permohonan yang tidak layak:
 - (1) Anak-anak Bekas Askar Wataniah/Pasukan Sukarela (AW).
 - (2) Anak-anak Bekas Tentera British.
8. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah sampai ke Jabatan Arah Pendidikan ini sebelum tarikh berikut:
 - a. Peperiksaan UPSR - 15 Feb tahun semasa.
 - b. Kemasukan IPTA - 31 Jan tahun semasa.

'JUMLAH BAYARAN TURUT TERTAKLUK KEPADA PIHAK LTAT YANG AKAN DIMAKLUMKAN MELALUI PEKELILING SEMASA'

SKIM BIASISWA YAYASAN WARISAN PERAJURIT (YWP) UNTUK ANAK – ANAK ANGGOTA TENTERA LAIN-LAIN PANGKAT (LLP) YANG LAYAK DIJADIKAN ROLE MODEL KEPADA AHLI KELUARGA

1. Kesanambungan dari biasiswa-biasiswa yang telah diberikan, pihak LTAT dalam usaha meningkatkan pencapaian prestasi akademik anak-anak ATM, maka Yayasan Warisan Perajurit telah menyediakan bantuan tambahan dalam bentuk biasiswa serta cadangan penajaan program pembelajaran Tutor Online kepada anak-anak warga ATM dari kalangan anggota LLP yang berpotensi dalam bidang pelajaran dan layak dijadikan Role Model bagi ahli keluarga masing-masing.

2. Syarat-syarat biasiswa Role Model dan Penajaan Program Pembelajaran Tutor Online serta amanah biasiswa yang telah ditetapkan oleh Lembaga Amanah YWP adalah seperti berikut:
 - a. Terhad kepada anak pertama dari kalangan keluarga anggota LLP yang layak sahaja.
 - b. Mendapat keputusan minimum 3A 2B atau 3A 1B 1C di dalam peperiksaan UPSR.
 - c. Amaun biasiswa yang dicadangkan adalah pada kadar RM200.00 setahun bagi tempoh 3 tahun.
 - d. Mendapat salah satu keputusan A bagi matapelajaran Bahasa Melayu (Pemahaman/Penulisan).
3. Penerima biasiswa juga layak menerima penajaan program pembelajaran Tutor Online yang merupakan satu portal pembelajaran secara online yang disalurkan melalui Portal Pendidikan Tutor.com Program pembelajaran ini dibina khas untuk memberi akses kepada pelajar-pelajar bermula dari darjah 2 hingga ke tingkatan 5 bagi persediaan peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM.
4. Tarikh Kuatkuasa pemberian dermasiswa dan penajaan program Tutor Online ini adalah berdasarkan keputusan UPSR tahun semasa.
5. Borang permohonan boleh didapati di pejabat LTAT atau di laman web LTAT www.ltat.org.my/ywp dan tarikh tutup permohonan adalah pada atau sebelum 31 Dis tahun semasa.

KELAS BIMBINGAN (TUISYEN)

6. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT) telah menyediakan subsidi sebanyak 50% bagi membayai kelas bimbingan bagi calon UPSR, PT3 dan SPM yang diadakan di formasi/pangkalan ATM. Intensif yang dimulakan sejak tahun 2001, kelas bimbingan ini bertujuan untuk membantu anak-anak anggota tentera bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik di samping meringankan beban kewangan ibu bapa.
7. Kategori Kelas Bimbingan. Kelas bimbingan boleh diadakan dalam 3 kategori mengikut kesesuaian seperti berikut:
 - a. Kelas bimbingan di Sekolah Dalam Kem.
 - b. Kelas bimbingan di pasukan.
 - c. Kelas bimbingan swasta.
8. **Peraturan Melaksanakan Kelas Bimbingan.** Adalah seperti berikut:
 - a. **Kelas Bimbingan Di Sekolah Dalam Kem.** Peraturan berikut perlulah dipatuhi:
 - (1) Kelas diadakan pada masa yang sesuai supaya tidak mengganggu aktiviti sekolah yang telah dirancang.
 - (2) Bilangan pelajar bagi setiap kelas tidak melebihi 20 orang.
 - (3) Subjek-subjek yang perlu diberi penekanan ialah Sains, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sahaja.
 - (4) Jumlah masa bagi kelas UPSR adalah 5 jam seminggu, manakala kelas PMR dan SPM adalah 7 jam seminggu.
 - b. **Kelas Bimbingan Di Pasukan.** Peraturan berikut perlulah dipatuhi:
 - (1) Tidak terdapat Sekolah Dalam Kem di kawasan tersebut.
 - (2) Ada kemudahan bilik yang sesuai untuk dijadikan kelas.
 - (3) Bilangan pelajar bagi setiap kelas tidak melebihi 20 orang.
 - (4) Subjek-subjek yang perlu diberi penekanan ialah Sains, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sahaja.
 - (5) Jumlah masa bagi kelas UPSR adalah 5 jam seminggu, manakala kelas PMR dan SPM adalah 7 jam seminggu.
 - c. **Kelas Bimbingan Swasta.** Peraturan berikut perlu dipatuhi:
 - (1) Kelas bimbingan khas bagi pasukan-pasukan terpencil yang tidak dapat menyediakan 15 pelajar minima untuk satu kelas.
 - (2) Pasukan terpencil di Semenanjung dan Sabah /Sarawak seperti di Tapah, Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Semporna, Miri dan Sri Aman di mana jumlah pelajar anak-anak tentera yang mengambil peperiksaan terhad.
 - (3) Pasukan perlu memajukan permohonan terlebih dahulu ke Jabatan Arah ini untuk mendapatkan kelulusan daripada TKAT sebelum calon mengikuti mana-mana pusat tuisyen persendirian.
 - (4) TKAT akan menyediakan subsidi 50% atau tidak melebihi RM25.00 sebulan bagi setiap pelajar atau mana-mana yang lebih rendah. (tuntutan pembayaran tidak berkaitan dengan prosedur kelas bimbingan di Sekolah Dalam Kem dan kelas bimbingan di pasukan)
 - d. **Pembayaran Subsidi.** Pembayaran subsidi akan dibuat oleh TKAT melalui Jabatan Arah Pendidikan dan Pejabat Pendidikan Pasukan. Jangka masa

pembayaran subsidi bergantung kepada kelulusan oleh pihak TKAT. Untuk pembayaran subsidi, pasukan perlulah memajukan permohonan ke Jabatan Arah Pendidikan dengan menyertakan resit pembayaran gaji tenaga pengajar/guru. Bayaran balik subsidi perlulah menggunakan Tabung Kebajikan Rejimen (TKR) formasi/pasukan terlibat. Kadar bayaran tenaga pengajar/guru bagi setiap 1 jam adalah seperti berikut:

- (1) UPSR - RM 20.00
- (2) PMR - RM 25.00
- (3) SPM - RM 30.00

- e. Yuran Bulanan Daripada Ibu Bapa/Penjaga. Kadar bayaran yuran bulanan ibu bapa/penjaga bagi setiap pelajar/anak tidak melebihi RM 25.00 sebulan (tertakluk kepada bilangan pelajar).

BANTUAN PENDIDIKAN PBB OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. Bantuan Pendidikan ini disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu anak-anak tentera yang bapa mereka terkorban semasa menjalankan tugas di PBB. Bermula tahun 2006 bantuan tersebut akan disalurkan kepada Jabatan Arah Pendidikan. Kadar bantuan seperti berikut:

a. Sekolah Rendah	- RM 1,000.00 setahun.
b. Sekolah Men (Rendah) (Tkt 1 – 3)	- RM 1,220.00 setahun.
c. Sek Men (Atas) (Tkt 4 – 5)	- RM 1,270.00 setahun.
d. Tingkatan 6/V/Tek	- RM 1,320.00 setahun.
e. Politeknik	- RM 2,027.00 setahun.
f. IPTA	- RM 6,195.00 setahun.

KEMASUKAN KE MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)

2. 2 kategori kemasukan ke MRSM iaitu:
 - a. **Kemasukan Tingkatan 1.** Diperuntukkan di MRSM Terendak atau mana-mana MRSM seluruh negara. Syarat kelayakan berdasarkan kepada pencapaian murid dalam UPSR iaitu 5A. Calon yang layak boleh memohon untuk mendapatkan nombor pin bagi membolehkan calon mengisi permohonan secara online. Nombor pin tersebut boleh didapati melalui Pejabat MARA Negeri, Pejabat MARA Daerah atau MRSM yang berdekatan. Seterusnya, permohonan secara online yang lengkap diisi dicetak dan dihantar ke Ibu Pejabat MARA. Laman Web MARA di alamat <http://www.mara.gov.my>.
 - b. **Kemasukan Tingkatan 4.** Kelayakan membeli borang sekurang-kurangnya lulus dalam subjek Matematik dan Sains. Syarat kelayakan minimum bagi kemasukan ialah 6A, 2B (A Sains dan Matematik) serta tiada Gred C, D atau E dalam subjek teras PMR dan lulus UKKM (Ujian Kecenderungan Kemasukan MARA). Ini bagi membolehkan calon tersebut mengisi borang permohonan secara online. Nombor pin tersebut boleh didapati melalui Pejabat MARA Negeri, Pejabat MARA Daerah atau MRSM yang berdekatan. Borang yang lengkap diisi perlu dihantar terus ke Ibu Pejabat MARA. Jabatan Arah Pendidikan tidak terlibat dalam proses kemasukan ke Tingkatan 4. Calon yang layak akan dihubungi oleh pihak MARA untuk menjalani satu ujian khas UKKM (Ujian Kecenderungan Kemasukan MARA) di pusat-pusat ujian yang akan ditentukan oleh pihak MARA. Ujian akan dilaksanakan selepas sehari tamat (tertakluk oleh MARA) peperiksaan PMR. Laman Web MARA di alamat <http://www.mara.gov.my>.

ASRAMA PUTERA/PUTERI

3. Asrama ini mula ditubuhkan pada 3 Jan 1972 dan terletak di Kem Terendak Melaka. Bertujuan untuk memberi kemudahan asrama bagi anak-anak warga tentera yang bertugas di luar Negeri Melaka dan sering berpindah/bertukar. Kriteria pemilihan kemasukan asrama seperti berikut:
 - a. Anggota yang bertugas/berkursus jangka panjang di Luar Negara.
 - b. Anggota yang isterinya telah meninggal dunia dan anaknya tinggal bersendirian.
 - c. Anggota yang bertugas di Sabah/Sarawak dan membawa isteri bersama. Manakala anaknya menumpang di rumah saudara mara di Semenanjung Malaysia.
 - d. Anggota yang bertugas di Sabah/Sarawak tanpa membawa keluarga.
 - e. Anggota yang bertugas di Sabah/Sarawak bersama keluarga tanpa anak.
 - f. Anggota yang tinggal di Singapura bersama keluarga tanpa anak.
 - g. Anggota yang tinggal di Semenanjung Malaysia yang anaknya tinggal berasingan.
 - h. Anggota yang tinggal bersama keluarga di negeri-negeri Semenanjung Malaysia kecuali di Melaka.
4. **Tatacara Memohon.** Adalah seperti berikut:
 - a. Menggunakan borang permohonan Asrama Putera/Puteri perolehi di Jabatan Arah Pendidikan atau formasi/pangkalan/pasukan.
 - b. Sesama menghantar borang pastikan kepikan bersama salinan keputusan peperiksaan yang terakhir.

KECUT PERUT TERBANG DENGAN SUPER LYNX

PENGALAMAN menaiki helikopter Super Lynx sempena Karnival Jom Heboh di pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, Perak cukup bermakna buat empat artis muda tanah air iaitu Anita Baharom, Almy Nadia, Fizz Fairuz dan Fezrul Khan.

Bagi Anita, dia memang tidak ingin melepaskan peluang keemasan menaiki penerbangan buat julung kalinya dengan helikopter Super Lynx yang berpusat di Pangkalan TLDM Lumut itu.

"Sebagai artis, saya berasa sangat teruja kerana berpeluang merasai pengalaman menarik itu."

"Sekalipun abang ipar saya, Komander Ajazi Jamaludin bertugas sebagai juruterbang dan jurulatih penerbangan di TLDM Lumut, tetapi inilah kali pertama saya berpeluang menaiki helikopter Super Lynx bersama rakan artis lain."

"Justeru, ia memang pengalaman baru yang sukar dilupakan dalam hidup saya," katanya.

Anita mengakui pengalaman menaiki helikopter Super Lynx begitu menarik berbanding menaiki kapal terbang.

"Helikopter ini hanya memuatkan kira-kira enam penumpang dalam satu masa. Kami juga boleh melihat dengan jelas pemandangan yang menarik dari dalam helikopter."

"Lebih memberangsangkan, kami juga mendapat peluang merasai bagaimana helikopter Super Lynx membuat pergerakan seperti akrobatik dari atas ke bawah. Pelbagai perasaan berbaur dalam diri saya antara teruja dan gementar sepanjang 20 minit 'meronda' dengan helikopter berkenaan," katanya.

Almy pula tidak dapat menyembunyikan perasaan gementar sepanjang penerbangan bersama helikopter Super Lynx itu.

"Terus terang, saya memang berasa takut menaiki helikopter kerana ini kali pertama saya merasai pengalaman sedemikian."

"Namun, apabila terpilih menaiki helikopter Super Lynx bersama rakan artis lain, saya mengakui sukar untuk menolaknya kerana peluang itu mungkin hanya sekali saja datang dalam hidup saya."

"Sejak awal taklimat lagi, saya lebih banyak berdiam diri dan berusaha mengawal perasaan takut dengan sokongan padu daripada rakan artis lain."

"Mungkin kerana tidak biasa di tempat tinggi saya juga berasa pening selepas helikopter mendarat ke pangkalan TLDM."

"Apapun, saya mengakui ia pengalaman cukup menarik untuk saya berkongsi dengan peminat di luar sana," katanya.

Fizz pula menganggap peluang menaiki helikopter Super Lynx bagaikan pucuk dicita ulam mendatang buatnya.

"Saya difahamkan, penerbangan menaiki helikopter Super Lynx tidak dibuka kepada orang ramai."

"Justeru, bila ditawarkan menaiki helikopter ini bersama rakan artis lain dan secara percuma pula, sudah pasti saya tidak melepaskan peluang keemasan itu."

"Saya mengakui berasa gayat apabila helikopter ini terbang tinggi dan membuat aksi seperti lagak negeri dalam filem."

"Maklumlah, selama ini saya hanya menyaksikan aksi seperti itu dalam filem atau di kaca televisyen, tetapi sekarang, saya sendiri berpeluang merasai pengalaman hebat itu."

"Kami juga dibawa meninjau di sekitar pangkalan TLDM dan keindahan bandar Lumut dari dalam helikopter."

"Penerbangan selama 20 minit juga seolah-olah tidak terasa kerana kami berasa terpegun melihat keindahan bandar Lumut sepanjang perjalanan itu," katanya.

Sementara itu, Pengurus Kumpulan Pengurusan Jenama TV3, Johary Salleh berkata, aktiviti menaiki helikopter Super Lynx itu dianjurkan buat julung kalinya sempena Karnival Jom Heboh di pangkalan TLDM Lumut.

"Ia juga bagi pendedahan sebenar kepada artis dan wakil media tempatan mengenai fungsi helikopter Super Lynx ketika membuat rondaan."

"Hanya sepuluh orang termasuk artis dan wakil media tempatan terpilih berpeluang merasai pengalaman sebenar menaiki Helikopter Super Lynx berkenaan."

"Wakil media tempatan yang diberi peluang merasai pengalaman meronda bersama helikopter Super Lynx itu ialah Pengarang Hiburan Harian Metro, Adam Salleh."

"Kami juga dibahagikan kepada dua kumpulan pada petang itu kerana hanya dua helikopter digunakan dalam penerbangan berkenaan."

"Sebelum penerbangan juga, kami diminta memakai peralatan keselamatan disediakan seperti tali pinggang dan head phone untuk melindungi pendengaran masing-masing bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku."

"Sebelum penerbangan bermula kira-kira jam 4.45 petang, (Ahad), kami semua diberikan taklimat ringkas oleh Komander Markas Udara, Pangkalan TLDM Lumut, Roslan Mohd Yunus TLDM termasuk mengisi borang pelepasan sebelum berlepas," katanya.



TLDL RAI WARGA MEDIA SEMPENA LATIHAN OPERASI PERANG BORNEO SIRI 2/2015

Oleh: LK PBS Juahry@Johari bin Cornelius

Kota Kinabalu - Sempena Ulang tahun TLDM Ke-81, Program Hari Bersama Media telah dilaksanakan pada 14 Apr 15 bagi menghargai kerjasama dan sokongan pihak media dalam mempromosikan TLDM kepada masyarakat luar.

Wakil media telah dibawa mengikuti pelayaran Latihan Perang Borneo siri 2/2015 dengan menaiki kapal KD PERAK dan KD SELANGOR di perairan Pulau Mengalum. Latihan ini melibatkan aset-aset kapal TLDM seperti KD JERONG, KD PAUS, KD BAUNG dan KD GANAS. Turut terlibat dalam menyokong latihan operasi kali ini adalah sebuah helikopter Super Lynx milik TLDM, sebuah helikopter EC725 dan dua buah pesawat pejuang Hawk milik TUDM yang berpangkalan di Labuan. Selain itu, elemen sokongan yang lain adalah sebuah combat boat CB90, Pasukan Khas Laut (PASKAL) TLDM dari KD SRI SEMPORNA dan juga Pasukan Selam Kota Kinabalu turut serta dalam Latihan Perang Borneo siri 2/2015.

Pelayaran Latihan Perang Borneo siri 2/2015 ini turut dihadiri Panglima Wilayah Laut 2 YBhg Laksamana Muda Dato' Pahlawan Mohammad Rosland Omar.

Latihan ini diadakan bagi memberi peluang kepada wakil media untuk mengenali TLDM dengan lebih dekat sekaligus memahami bidang tugas perkhidmatan ini. Pelbagai latihan peperangan telah dilaksanakan sepanjang pelayaran dan para media juga diberi peluang untuk merasai pengalaman menembak di laut menggunakan senjata api kecil.

Sidang media bersama Panglima Wilayah Laut 2 telah diadakan di kapal KD PERAK setelah kapal merapat di jeti Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK).





INTERNATIONAL FOOD FESTIVAL KD PELANDOK CUNGKIL BAKAT

Lumut - International Food Festival 2015 yang dilaksanakan di pekarangan Sekolah Pengurusan Hospitaliti dan Seni Kulinari (SPHSK) KD PELANDOK pada 17 Feb 15 berjaya menggatmit ramai anggota terutama di kalangan warga KDP yang ingin merasai keenakan masakan tradisional tempatan dan antarabangsa.

Festival tersebut dianjurkan oleh pelajar-pelajar Program Diploma Culinary Art (DCA) dan Diploma Hospitality Management (DHM) TLDM-MSU bertemakan 'One Food, One Love'.

Antara menu tempatan yang menjadi tumpuan adalah sate dan nasi impit manakala menu antarabangsa yang menjadi tumpuan adalah dari Mexico iaitu *nachos* dan *joly sandy*. Selain itu, pelbagai aktiviti turut dijalankan seperti cabutan bertuah, *fun game*, *photo booth* dan *song dedication*. Bersempena festival ini turut diadakan Malam Sanggar Budaya yang diadakan di Dewan Utama SPHSK.

Bagi memeriahkan acara, pelbagai persembahan telah dipertontonkan antaranya persembahan kebudayaan sewang, zapin, joget Pahang dan dikir barat. Turut hadir di festival adalah Pegawai Memerintah KDP Kept Abd Halim Hj Shaari TLDM, Pegawai Laksana Kdr Tay Yap Leong TLDM, pegawai kanan serta warga KDP.



HARI BERSAMA PELANGGAN PUSAT RAWATAN AN - NUR

Lumut-Masjid An-Nur telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan bagi mempromosikan Pusat Rawatan An-Nur. Program ini telah mendapat sambutan yang agak menggalakkan dari kalangan warga pangkalan. Antara perkhidmatan rawatan yang disediakan ialah rawatan mistik, rawatan bekam, rawatan akupunktur dan perkhidmatan air penawar. Program yang bermula jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 3.30 petang telah memberikan kemudahan perkhidmatan kepada seramai 143 orang pengunjung yang mendapatkan rawatan.

Di samping itu turut diadakan pameran kaligrafi Islam serta jualan produk-produk kesihatan. Program ini telah mencapai objektif yang disasarkan iaitu mempelbagaikan aktiviti dan fungsi masjid sebagai pusat penyatuan ummah serta mempromosi khidmat rawatan Islam bagi mengelak kalangan warga terlibat dengan kaedah perawatan yang bercanggah dengan agama. Pihak pengurusan masjid bercadang untuk menganjurkan lagi program sebegini pada masa akan datang.



Sesi pendaftaran



Pegawai Memerintah KD MALAYA Kept Kamaruddin Omar melihat kaedah rawatan Bekam



Kaedah rawatan akuapuntur dan rawatan mistik



Antara gerai jualan



BEKAS PESARA TLDM DISARAN LIBATKAN DIRI DALAM PERSATUAN

Oleh: BK PNK Md Nasir Mohamed

Foto: LK II PNK Hir Rahman Wahi

Kuala Lumpur – Timbalan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin menyarankan agar bekas pesara Tentera Laut Diraja Malaysia mendaftarkan diri untuk menjadi ahli serta melibatkan diri dalam Persatuan Bekas TLDM (PBTLDM) di setiap negeri untuk memajukan persatuan.



Saranan tersebut telah disampaikan oleh YBhg Dato' Seri semasa merasmikan Mesyuarat Agung PBTLDM negeri Selangor kali Ke-8 bagi tahun 2015 bertempat di Dewan Masyarakat Taman Melati Kawasan 8, Taman Melati pada 19 Apr 15.



Dengan wujudnya persatuan ini, ia mampu menyatukan semua lapisan masyarakat khususnya generasi muda untuk mereka mengetahui lebih mendalam tugas-tugas serta tanggungjawab TLDM dalam menjaga keselamatan perairan negara. Selain daripada itu juga, ia dapat mehubungkan silaturrahim setelah terputus hubungan selepas bersara dari perkhidmatan. Kini, TLDM sedang giat memuatkan data-data ringkas peribadi bekas anggota di dalam Portal TLDM bagi memudahkan pesara menjelaki rakan-rakan seperjuangan.



Pada mesyuarat tersebut juga, YBhg Dato' Seri telah menyempurnakan penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada 18 orang pesara TLDM bagi mengenang jasa-jasa dan pengorbanan yang telah diberikan semasa operasi ATM menentang Komunis Malaya dan Parti Komunis Kalimantan Utara dari 1 Jan 69 hingga 17 Okt 90.

MAJLIS PENYAMPAIAN APC DAN PINGAT PERKHIDMATAN & PEKERTI TERBILANG KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2015

Oleh: LK PNK Azami Ab Rahim

Foto: LK II PNK Hir Rahman Wahi

Kuala Lumpur – Majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Pingat Perkhidmatan & Pekerti Terbilang Kementerian Pertahanan telah diadakan pada 11 Mac 15 bertempat di Auditorium Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak.

Majlis ini menyaksikan seramai 38 anggota TLDM dari 136 anggota ATM dan 215 orang anggota awam. Manakala 70 orang pegawai dan kakitangan awam yang bersara wajib pada tahun 2015 menerima Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang Kementerian Pertahanan dan lapan orang kakitangan awam bersara pilihan Tahun 2015 menerima Sijil Penghargaan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato'Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi.

Turut hadir adalah Panglima Tentera Darat memangku Panglima Angkatan Tentera,Yang Mulia Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor serta Panglima-panglima Perkhidmatan.



ROYAL MALAYSIAN NAVY

SEPETANG BERSAMA DROGGIES

Oleh: Lt Tan Sze Lin TLDM

Foto: LK HDI Amir

Pulau Indah - Program Sepetang Bersama Droggies telah berlangsung meriah di Pusat Hidrografi Nasional, Pangkalan TLDM Pulau Indah pada 11 Apr 15.

Majlis ini julung kalinya diadakan bertujuan untuk menghargai segala jasa, pengorbanan dan komitmen warga Hidrografi (Droggies) terdahulu dalam menggembangkan usaha, tenaga dan dedikasi demi memastikan dunia hidrografi dapat berdiri sama teguh dan menyumbang kepada negara.

Seramai 80 bekas Droggies telah hadir dalam majlis ini dan juga dimeriahkan dengan kehadiran Ketua Pengarah Hidrografi yang pertama, Kept Goh Siew Chong TLDM (Bersara). Semangat dan pemuaafakan yang membawa warga droggies untuk berkumpul pada hari ini telah menjadikan tujuan majlis ini dengan lebih bermakna.

Acara kemuncak pada majlis ini adalah Sunset Ceremony yang juga pertama kali dijalankan dengan kehadiran pancaragam dibawa khas dari KDSI Tg Pengelih. Ketua Pengarah Hidrografi, YBhg Lakasamana Muda Dato' Pahlawan Zaaim Hasan menyatakan majlis ini akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang agar semua warga droggies dapat berkumpul bersama dan meneruskan persahabatan serta mengeratkan hubungan sesama sendiri.



MAJLIS KONVOKESYEN KE-14 UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK

Oleh: Lt Kdr Mohamad Salimi bin Abdullah TLDM

Foto: PW I Mohd Nizam bin Abu Bakar

KUALA LUMPUR – Majlis Konvokesyen Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) yang Ke-14 (Sidang Ke-4) telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Kembar Bank Rakyat, Jalan Travers pada 7 Mac lalu. Majlis telah disempurnakan oleh Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Canselor UNIRAZAK.

Pada konvokesyen kali ini, seramai tujuh orang anggota TLDM telah berjaya menamatkan pengajian dan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma dalam bidang pengajian masing-masing. Pengarah Cawangan Pembangunan Sumber Manusia, Markas Tentera Laut, Kept Fadzilah Hasan TLDM turut hadir bagi memeriahkan majlis. Berikut pegawai dan anggota terlibat:

1. Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kepujian)
Lt Fariz Hedry Ling bin Firdaus Hedry Ling TLDM N/404502 – KD LAKSAMANA TAN PUSMAH.
2. Diploma Pengurusan
 - a. 820619 PW II TLR Hairul bin Karim – Mk TL, Bahagian Kejuruteraan.
 - b. 820510 BK TMK Mohd Fairul bin Omar – Depot Kenderaan TLDM.
 - c. 825605 BM TNL Sidiq bin Ahmad – Depot Bekalan Armada.
 - d. 827868 BM KOM Mohd Zaki bin Hussin – KD TERENGGANU.
 - e. 828169 LK KOM Yahala bin Madon – RPS Sungai Buloh.
 - f. 832829 LK TMK Muhamad Fakurzy bin Md Aroff – KD PANGLIMA HITAM.

Program pengajian K-Force yang diperkenalkan pada tahun 2003 merupakan platform bagi semua warga *the Navy People* untuk meningkatkan taraf akademik masing-masing. Sejak ia diperkenalkan, seramai 1,125 warga TLDM telah diberi peluang untuk mengikuti program ini dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 326 warga TLDM telah berjaya menamatkan pengajian.



Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Canselor UNIRAZAK



Pengarah Cawangan Pembangunan Sumber Manusia, Kept Fadzillah Hassan TLDM bersama penerima ijazah sarjana muda dan diploma

LAWATAN KAPAL USS COMSTOCK DI PANGKALAN TLDM KOTA KINABALU (PTKK)

Oleh: LK PBS Juahry@Johari bin Cornelius

Kota Kinabalu – Kapal Tentera Laut Amerika Syarikat, USS COMSTOCK telah memasuki jeti Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK) pada 22 Jan 15 sempena lawatan operasi kapal ke negara ini bermula 22 hingga 28 Jan 15.

Lawatan ini sekaligus menyokong objektif Diplomasi Pertahanan dalam menyumbang kepada kemajuan TLDM terutamanya dari aspek perhubungan antarabangsa. Lawatan seperti ini juga mengenalpasti potensi kerjasama yang boleh dipelopori khususnya dalam aspek pertukaran sumber manusia, bantuan teknikal dan latihan yang mampu memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Melalui pengkongsian maklumat di antara kedua-dua negara, dilihat banyak membuka ruang yang boleh diguna pakai untuk meningkatkan kemampuan sumber manusia Angkatan Laut masing-masing. Lawatan ini memperlihatkan jalinan hubungan dua hala yang erat di antara TLDM dan Tentera Laut Amerika Syarikat selain membuka laluan



kerjasama di antara kedua-dua negara serta memberi pulangan yang amat signifikan kepada TLDM khususnya dan negara amnya.

Sepanjang berada di PTKK, pelbagai program telah dirancang antaranya ialah kunjungan hormat ke atas Panglima Wilayah Laut 2 dan majlis resepsi warga PTKK bersama warga USS COMSTOCK yang diadakan di Wisma Kejora dan Wisma Pelayaran. Aktiviti sukan juga turut diadakan iaitu perlawanan bola sepak antara TLDM dan Tentera Laut Amerika Syarikat yang bertujuan bagi mengeratkan lagi persahabatan kedua-dua negara. Dalam masa yang singkat ini, warga PTKK berpeluang melihat segala aspek dan aset yang ada di kapal USS COMSTOCK semasa kapal dibuka untuk lawatan.

Kayuhan

KUALA LUMPUR-LUMUT

Oleh: BK PNK Md Nasir Mohamed

Foto: LK 1 TNL Mohd Hafezul



ROYAL MALAYSIAN NAVY

Kayuhan Kuala Lumpur-Lumut julung kali diadakan

KUALA LUMPUR - Seramai 20 Pelumba Basikal dari Persatuan Lumba Basikal Tentera Laut Diraja Malaysia (PLBTLD) telah mengadakan kayuhan Kuala Lumpur-Lumut bermula dari Wisma Pertahanan dan berakhir di Jeti Tambatan Armada, Pangkalan TLDM Lumut. Kayuhan ini merupakan buat julung kali diadakan bersempena menyambut Hari TLDM Ke-81 yang diraikan pada 27 Apr 15. Peserta kayuhan ini telah dilepaskan oleh Pengurus Lumba Basikal TLDM, Kepten Abu Bakar Mohd Ajis TLDM.

Kayuhan sejauh 240 kilometer ini diketuai oleh Komander Ismail Othman TLDM yang melalui Jalan Semarak, Lebuhraya Duke, susur keluar Selayang, Lebuhraya Latar, Rawang, Ijok, Kuala Selangor, Skinchan, Sabak Bernam, Jambatan Teluk Intan, Ulu Dedap, Kayan, Lekir sebelum para peserta menunggu ketibaan Panglima Armada, YBhg Laksamana Madya Dato' Mohamad Roslan Mohamad Ramli di Oceanball Bowling Aion, Manjung untuk meneruskan kayuhan menuju ke Taman Rekreasi Paya Bakau dan seterusnya berakhir di Jeti Tambatan Armada, Pangkalan TLDM Lumut.

Kayuhan ini bermula pada jam 7.00 pagi dan berakhir pada 4.00 petang. Aktiviti yang dilaksanakan ini adalah sebagai usaha menarik minat golongan muda serta warga TLDM mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas sesuai dengan hasrat murni kerajaan yang ingin mewujudkan masyarakat negara ini berbudaya sukan.

Di samping itu juga, ia menjadikan satu aktiviti riadah yang akan mengeratkan hubungan silaturrahim sesama keluarga dan juga rakan-rakan. Komander Ismail Othman TLDM yang mengetuai kayuhan ini bersyukur kerana berjaya menyempurnakan aktiviti ini dengan selamat tanpa mengalami sebarang kesulitan sepanjang berkayuh dari Kuala Lumpur. Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan pihak pengurusan tertinggi TLDM terhadap aktiviti sebegini dan beliau berharap agar aktiviti seumpama ini akan dapat direalisasikan lagi pada masa akan datang.



Peserta gembira setelah tiba di Jeti Tambatan Pangkalan Lumut

TLDM PERTAHAN KEJUARAAN DI KARNIVAL SUKAN ANTARA PERKHIDMATAN ATM 2015



Oleh: Perhubungan Awam Markas Pemerintahan Armada
Foto: PR MPPL, Mk PA, Mk PL



Lumut - TLDM mempertahankan kejuaraan di Karnival Sukan Antara Perkhidmatan ATM 2015 yang berlangsung mulai 30 Mac hingga 3 Apr 15 di Pangkalan TLDM Lumut. Sukan yang dipertandingkan adalah bola jaring, tenis, bola keranjang, renang dan polo air.

Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan ATM ini merupakan acara tahunan untuk mencungkil bakat-bakat baru anggota ATM agar dapat digilap dan diketengahkan, bukan sahaja di peringkat ATM mahupun kebangsaan malah ke peringkat yang lebih tinggi. Lima acara sukan telah dipertandingkan dan memperlihatkan TLDM menjuarai tiga acara iaitu bola jaring, bola keranjang dan polo air manakala acara renang dan tenis dimenangi oleh TDM.

Upacara penutup karnival sukan telah disempurnakan oleh Timbalan Panglima Tentera laut, YBhg Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin. Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa kejayaan yang telah dikecapi dalam kejohanan ini adalah hasil kesungguhan, keazaman dan iltizam yang tinggi daripada para atlet, pasukan serta pihak pengurusan sukan masing-masing.

PASUKAN HOKI TLDM NAIB JOHAN DI KEJOHANAN INDOOR HOCKEY ATM 2015

Oleh: LEKAS TLDM Foto: LK II PNK Mohd Najmi

Sg Buloh - Kejohanan Indoor Hockey Sukan Antara Perkhidmatan ATM 2015 telah berlangsung pada 30 dan 31 Mac 15 di Gelanggang Indoor Hockey 12 Worksyop Briged, Kem Sg Buloh, Selangor.

Sebagai Juara bertahan pada tahun lepas, Pasukan Hoki TLDM telah memberi saingan hebat kepada pasukan Hoki TDM dan TUDM. Hasilnya, kedua-dua Pasukan TLDM Lelaki dan Wanita telah berjaya ke peringkat akhir.

Perlawanan akhir telah berlangsung dengan sengit namun nasib tidak menyebelahi apabila kedua pasukan kalah kepada TDM. Pasukan Hoki Wanita TLDM tewas kepada Pasukan Hoki TD menerusi penentuan pukulan penalti dengan jaringan TLDM (0) dan TDM (1) setelah terikat seri 0 - 0 semasa perlawanan sepenuh masa. Manakala Pasukan Hoki Lelaki TLDM tewas kepada Pasukan Hoki TD dengan keputusan jaringan TLDM (1) dan TDM (3).

Acara Penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Infantri merangkap Pengurus Hoki Tentera Darat, YBhg Brig Jen Dato' Azlan Abd Rahman. Turut hadir Pengarah Pengarah Kanan Material Markas Tentera Laut, Laksamana Pertama Mohammed Ariff Mahru.

Berikut Keputusan Keseluruhan Kejohanan:

Kategori Lelaki
Johan - TDM
Naib Johan - TLDM
Ketiga – TUDM

Kategori Lelaki
Johan - TDM
Naib Johan - TLDM
Ketiga – TUDM



CUACA PANAS: JANGAN AMBIL MUDAH

1. Cuaca panas memberi tekanan fizikal kepada tubuh manusia. Kesan terhadap kesihatan boleh jadi dari tahap sederhana (*mild*) kepada yang boleh menyebabkan maut contohnya akibat strok haba.
2. Semua orang berisiko menjadi mangsa cuaca panas. Walau bagaimanapun, terdapat kumpulan yang lebih berisiko iaitu:
 - Mereka yang terbabit dengan kegiatan aktiviti fizikal di luar seperti buruh, peladang, ahli sukan, tentera, polis dan lain-lain.
 - Orang dewasa (berumur 40 tahun ke atas mempunyai risiko 10 kali ganda berbanding dengan mereka yang lebih muda).
 - Kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah.
 - Penghidap penyakit sistem pernafasan.
 - Penghidap penyakit darah tinggi, jantung, kencing manis dan penyakit kelenjar tiroid.
3. Risiko bertambah jika mereka memakai pakaian yang tebal dan ketat yang menghalang haba keluar daripada penyejatan/ pengeringan peluh. Gejala cuaca panas melampau adalah:
 - Sakit kepala
 - Keletihan
 - Lemah tumpuan
 - Pening
 - Lemah otot-otot atau kekejangan
 - Mual dan muntah
4. Keadaan yang terlalu teruk boleh menyebabkan dehidrasi (kekeringan), kekeliruan dan tidak sedarkan diri (koma).
5. Cara mencegah atau mengurangkan kesan terhadap kesihatan akibat cuaca panas melampau:
 - Minum air kosong dengan banyak tanpa mengira tahap aktiviti fizikal yang anda lakukan. Jangan tunggu sehingga anda dahaga.
 - Minum minuman isotonik kerana ia boleh menggantikan garam dan mineral yang hilang semasa berpeluh.
 - Sejauh yang mana yang boleh, anda perlu berada di dalam rumah/bangunan
 - Hadkan aktiviti luar
 - Kerap berehat
 - Mandi atau gunakan kipas angin untuk menyejukkan tubuh badan anda
 - Pakai pakaian yang ringan, berwarna-terang dan longgar.
 - Pakai topi atau payung yang besar

6. Elakkan:

Minum minuman yang mengandungi kafein, alkohol, atau kandungan gula yang tinggi. Membiarakan seseorang di dalam kereta yang tertutup. Bersenam dalam cuaca panas

7. Jika anda mempunyai tanda-tanda masalah berkaitan dengan suhu panas, ingat tip-tip di bawah:
 - Keluar dari kawasan yang panas
 - Tanggalkan pakaian yang ketat
 - Letakkan kain yang basah dan sejuk pada badan
 - Gunakan kipas untuk sejukkan badan
 - Minum air setiap 15 minit
 - Dapatkan bantuan jika keadaan tidak dapat dikawal





Oleh: Lt Kdr Muhammad Iqbal bin Danyal TLDM
Foto: LK KOM Nazri

scone Of KD JEBAT

Menurut rujukan yang bertajuk *Scone Info Sheet*, yang dikeluarkan oleh Baking Industry Research Trust, *scone* merupakan makanan yang dipercayai berasal dari Scotland. Pada awalnya ia dibuat daripada oat yang dimasak di atas griddle (kuali leper) pada api dedah atau di atas dapur.

Bagaimana *scone* signifikan dengan kapal

Menurut krew terdahulu, menu *scone* ini merupakan salah satu hidangan ‘English’ yang disediakan oleh chef pada awal kapal ini mula beroperasi pada tahun 1999. Ia merupakan antara hidangan tempatan yang diadaptasi sewaktu kapal dibina di Yarrow Shipbuilder, di Scotland.

Hidangan tetamu kenamaan

Hidangan lain yang turut dihidangkan ketika itu termasuk yang dipanggil *Great Britain National Dish* yang terdiri dari *Roast Beef*, sayuran dan *Yorkshire Pudding*. Namun, *scone* kekal sehingga ke hari ini sebagai salah satu hidangan istimewa (signature dish) bagi KD JEBAT yang sering disediakan terutama apabila kapal mengadakan majlis yang turut dihadiri tetamu kenamaan.



Pada kebiasaananya, *scone* ini dihidangkan bersama mentega, jem buah (fruit preservatives), *marmalade* dan madu. Bagi KD JEBAT, menurut kenyataan krew terdahulu, *scone* KD JEBAT dihidangkan dengan sejenis krim yang dipanggil *clotted cream*. *Clotted cream* ini dihidangkan bersama *scone* merupakan tradisi pengambilan *scone* yang berasal dari barat daya England (Devon County) dalam hidangan yang dipanggil ‘*Cream Tea*’. *Cream tea* merupakan hidangan minum petang yang paling ringan dari beberapa jenis minum petang yang lain (high tea, afternoon tea dan elevenses) kerana menu utamanya (featured menu) hanya *scone* bersama jem dan *clotted cream* serta teh.

Di kapal, *heavy whip cream* digunakan dengan kandungan lemak melebihi 40%. Cara-caranya, tuangkan *whip cream* ke dalam mangkuk tahan ketuhar. Tutupkan dan panaskan dalam ketuhar pada suhu 75-80 derjah celsius untuk tempoh sehingga 8 jam atau sehingga terbentuk lapisan berwarna kuning yang tebal.

Biarkan krim menyeduh ke suhu bilik dan setelah itu, masukkan ke dalam peti sejuk untuk tempoh 6-8 jam.

Cara Membuat Scone

Bahan:

- Tepung Serbaguna Naik Sendiri
- Garam
- Mentega
- Susu

Cara-caranya:

- Panaskan ketuhar kepada 180 darjah Celcius.
- Masukkan tepung, garam ke dalam mangkuk besar, dan kacau sehingga rata.
- Masukkan mentega yang telah dipotong halus dan adukkan dengan tangan sehingga melekat.
- Tambah susu dan gaulkan sehingga menjadi doh (dough). Leperkan doh pada ketebalan lebih kurang $\frac{3}{4}$ inci dan ambil acuan bulat dan tekapkan. Letakkan di dalam ketuhar, bakar selama 14 minit sehingga berwarna keemasan.
- Setelah siap, hidangkan bersama jem dan mentega/ *clotted cream*.



Cara membuat Clotted Cream

Untuk mendapatkan clotted cream yang siap digunakan yang terjual adalah hampir mustahil di sini. Adalah lebih mudah menyediakannya sendiri daripada memburunya dari pasaraya ke pasaraya. Jadi untuk menikmatinya, kapal harus menyediakan kondimen ini sendiri. Cuma ada satu bahan dalam penyediaan clotted cream iaitu susu asli atau heavy whip cream yang tidak melalui proses Ultra Heat Treatment (UHT). Selebihnya adalah teknik dan kesabaran.

Setelah itu asingkan krim yang terbentuk tadi dan hidangkan atau simpan di dalam bekas berasingan. Ia mampu bertahan di dalam simpanan peti sejuk untuk tempoh 3-4 hari.



LK BDI Sabri sedang mengasingkan *clotted cream* (lapisan yang terbentuk).





"Pernah bersikap acuh tidak acuh dalam penjagaan kesihatan sehingga berat badan mencecah hampir 100 kg menjadi titik kesedaran kepada saya untuk menurunkan berat badan," ujar Lt Dinie Zuhri Shariffuddin TLDM.

Menurut Lt Dinie, ketika diperjawatkan di KD PERDANA sebagai Timbalan Pegawai Persenjataan, beliau terikat dengan rutin operasi yang menyukarkan beliau untuk aktif bersukan sehingga berat badannya naik mendadak daripada 70 kg kepada 98 kg. Keadaan ini menyebabkan penampilan beliau kurang kemas terutama semasa berpakaian seragam.

Bermula akhir tahun 2012, beliau mula merancang program penurunan berat badan secara bersendirian dengan dibantu maklumat-maklumat yang diperolehi daripada laman sosial. Beliau mula menjalankan latihan bebanan di gimnasium dan latihan kardio seperti berlari sebagai rutin harian. Beliau juga menjadi lebih selektif dalam pemilihan makanan dan mengurangkan pengambilan makanan yang manis dan berminyak.



MAKAN IKUT KEPERLUAN, BUKAN KEHENDAK

Setelah berpindah ke Cawangan Pengurusan Sumber Manusia-Lain-lain Pangkat (SM-LLP) di Lumut, Lt Dinie berdampingan rapat dengan ahli bina badan. Dengan bimbingan dan tunjuk ajar mereka, beliau dapat menurunkan berat badan sekaligus mendapatkan bentuk badan yang ideal.

Katanya lagi, apa yang beliau amalkan sehingga kini adalah makan atas keperluan bukan kehendak, minum air masak secukupnya dan bersukan secara rutin. Beliau percaya minda yang sihat bergerak seiring dengan badan yang cergas.

"Warga sihat dan cergas akan menjana sumber manusia cemerlang dalam memacu TLDM untuk menjadi Tentera Laut Bertaraf Dunia," tegas beliau yang kini sedang mengikuti Kursus Pegawai Peperangan Utama Siri 23/15 di KD SULTAN IDRIS I, Pangkalan TLDM Lumut.

JANJI IJAI KEPADA IBU

Oleh: Lt Kdr Nurzasya binti Abd Rahim TLDM

"Ibu, ibu... tengok Ijai dapat 7A dalam SPM," kata Ijai kepada ibunya sambil menunjukkan slip peperiksaan yang baharu diterima.

"Tahniah Ijai. Ibu tumpang gembira. Malam ini, ibu masakan lauk ayam ye," balas ibunya sambil tersenyum kebanggaan. Mata Ijai bersinar kegembiraan kerana mendapat keputusan yang baik dalam SPM. Dia merasakan segala penat lelahnya belajar selama ini terbayar dengan keputusan yang membanggakan itu.

Malam itu, ibu masak ayam goreng untuk dimakan bersama timun dan sambal belacan. Itu sahajalah lauk yang dimakan anak-beranak itu dengan nasi panas. Walaupun itu sahaja makanan mereka malam itu, namun ayam goreng itu sahaja sudah membuatkan anak-anak ibu seronok kerana mereka tahu yang ibu mereka tidak mampu membeli ayam setiap hari. Hanya sekali sebulan.

"Seronoknya dapat 7A. Boleh aku dan adik-adik makan ayam goreng," ujar Ijai dalam hati.

Keesokan harinya, seperti biasa, Ijai bangun pagi dan menyedari yang ibunya telah pergi ke kilang, tempatnya bekerja mencari rezeki. Ijai tahu bahawa ibunya terpaksa berjalan kaki sejauh 20km ke kilang tersebut semata-mata untuk mendapatkan gaji RM600 sebulan. Namun, apa yang boleh Ijai lakukan? Dia baru berumur 17 tahun ketika itu. Nak bekerja pun, mana-mana majikan akan fikir dua kali untuk mengambilnya kerana masih di bawah umur. Nak sambung belajar pula tidak mampu memandangkan dua orang adiknya masih belajar dan dia tahu yang ibunya tidak mampu untuk menampung dirinya belajar di Menara Gading. Hasratnya untuk sambung belajar pun tidak diluhukan kerana takut akan membebankan ibunya.

Suatu hari, sedang Ijai mengenang nasib dan berehat di beranda rumah, Azwan datang mendekatinya.

"Ijai, kau tak nak kerja ke?" Soal Azwan.

"Aku nak kerja tapi ada ke orang nak ambil aku? Aku ni kan bawah umur," balas Ijai.

"Marilah ikut aku. Ada tauke tu tengah cari orang untuk buat rumah. Aku rasa kalau kita minta, mesti dapat," ujar Azwan. Tanpa berfikir panjang, Ijai mengikut Azwan untuk berjumpa dengan tauke yang dimaksudkan.

Sekembalinya Ijai petang itu, dia melihat ibunya sedang berehat di ruang tamu rumah. Ijai mendekati ibunya.

"Assalamualaikum Ibu. Ibu dah lama balik?" Sapa Ijai.

"Baru je Ijai," jawab ibu. Melihat ibunya yang kelelahan, Ijai merapati ibunya dan mengurut kaki ibu.

"Ibu, Ijai dah dapat kerja buruh buat rumah di Tapah. Esok dah mula kerja," Beritahu Ijai kepada Ibu. Ibu memandang Ijai dan terdiam.

Dalam hati ibu, timbul rasa kesal kerana dia tahu yang dia tidak mampu memberi kemewahan kepada anak-anaknya hingga anaknya yang sulung itu terpaksa bekerja untuk membantu keluarga. Namun dalam masa yang sama, dia juga bersyukur kerana mempunyai anak yang memahami.

"Ijai tahu, ibu tak menghalang Ijai nak kerja bantu ibu sikit-sikit. Ijai dapat RM400 sebulan," sambung Ijai. Ibu hanya memandang Ijai. Dari anak mata ibu, Ijai tahu yang ibu merestuinya.

Setahun Ijai bekerja sebagai buruh membuat rumah teres di Tapah. Ijai tahu rumah itu didirikan sebagai kuarters PDRM. Namun, duit

yang dikumpulkan tidak mencukupi untuk ke menara gading kerana wang gajinya turut diberikan kepada ibu untuk membantu membeli barang-barang keperluan dapur.

Keesokannya, Ijai membeli surat khabar dalam perjalanan pulang ke rumah dari tapak pembinaan. Entah kenapa, hari itu hatinya melonjak-lonjak ingin membaca surat khabar.

"Setahun juga aku tak baca surat khabar. Entah entah aku dah lupa macam mana nak membaca. Asyik angkat batu dan simen aje," kata Ijai dalam hati sambil tersenyum sendiri.

Ijai sampai di rumah dan terus membersihkan diri.

"Sejuk pulak air pergi petang ni," kata Ijai sendiri dalam hati. Setelah itu, Ijai ke ruang tamu rumah dan membelek-belek surat khabar yang dibelinya tadi. Tiba-tiba matanya terpandang iklan Pengambilan Pegawai Kadet. Dibaca dan diamati iklan tersebut.

"Aku rasa aku penuhi syarat-syarat ni. Gajipun tinggi ni, RM800. Boleh la aku bantu ibu nanti. Lagipun tak jauh, Lumut je. Dekat jugak lah dengan rumah aku di Kampar ni," Ijai berkata sendiri. Ijai terus memotong keratan iklan tersebut, menyimpannya dan nekad untuk menyertai pengambilan tersebut.

Dua tahun kemudian...

"Assalamualaikum..." Azwan memberi salam kepada Ibu. Ibu keluar dan menjawab salam Azwan.

"Chu, mana Ija'i? Dah dekat dua tahun saya tak nampak dia sejak berhenti kerja hari tu," tanya Azwan.

"Ooo... Ijai dah jadi Navy. Sabtu ni Chu akan ke Lumut tengok perbarisan dia. Dia telefon Chu suruh ke sana Sabtu ni," jelas Ibu.

"La... ye ke? Senyap-senyap je dia... Saya ni juga yang kerja tak menentu. Siapa lagi yang ikut Chu ke sana nanti?" tanya Azwan lagi.

"Chu dan anak-anak Chu je yang ikut. Nanti Ijai jemput kami kat sana," ujar Ibu sambil tersenyum kebanggaan.

Selesai semua majlis Sabtu itu, Ijai menemui Ibu.

"Ibu, Ijai sudah berjaya sampai ke tahap ini Ibu. Ijai janji akan menjadi seorang Pegawai TLDM yang berjaya satu hari nanti. Ijai nak jadi Panglima Tentera Laut. Ijai janji akan sara Ibu. Ibu tak perlu bekerja lagi," ujar Ijai kepada Ibu. Air mata ibu berlinang.

"Ijai, Ibu bangga dengan Ijai. Ijai anak sulung dan menjadi contoh kepada adik-adik. Ibu minta maaf sebab Ibu tak mampu hantar Ijai sambung belajar tinggi. Tapi pencapaian Ijai ini pun, Ibu dah bangga sangat. Terima kasih Ijai."

Kini, Ijai berbangga kerana setelah bekerja selama 15 tahun, dia telah pun berpangkat Lt Kdr TLDM dan mendirikan rumah tangga. Walaupun dia tidak dapat melanjutkan pelajaran dulu namun kerjayanya kini memberi peluang kepadanya untuk mengelilingi dunia yang mana tidak pernah diimpikan olehnya selama ini. Dia juga ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran yang ditanggung sepenuhnya oleh TLDM. Ibunya pula sudah tidak bekerja dan disara sepenuhnya oleh Ijai. Ijai janji akan cuba mengotakjanjinya itu dan membuktikan bahawa orang susah seperti juga boleh menjadi 'seseorang' di Malaysia suatu hari nanti.

BERITAHU KAMI



Menarik!

Saya pembaca setia majalah SAMUDERA. Setiap keluaran diterbitkan dengan maklumat yang menarik dan berinfo matif. Saya mengikuti perkembangan TLDM melalui majalah ini selain di media-media tempatan. Semoga majalah ini sentiasa sukses dan terus menjadi majalah nombor satu pilihan ramai. **Siti Saleha binti Salem, Kulai.**

Kehidupan anggota di luar waktu bertugas

Saya amat tertarik dengan majalah SAMUDERA yang memaparkan pelbagai info menarik dan bermanfaat untuk pembaca. Saya ingin mencadangkan agar majalah ini dapat menyingskap kehidupan anggota TLDM di luar waktu bertugas contohnya bagaimana mereka menjalani rutin harian di rumah bersama keluarga dan sebagainya. **Rohaya binti Shafie, Chendering.**

Misi Kemanusiaan

Saya tertarik dengan artikel di ruangan Prihatin yang memaparkan kesungguhan dan keprihatinan anggota TLDM dalam menjayakan misi kemanusiaan. Saya ingin mengucapkan syabas kerana TLDM bukan sahaja memainkan peranan di masa perang, malah turut menjalankan tanggungjawabnya yang cemerlang di masa aman. **Abd Razak bin Abdullah, Kuantan.**

Tambah ruangan Eksesais

Sebagai sebuah majalah pertahanan, ruangan eksesais amat menarik minat saya lebih-lebih lagi yang melibatkan kerjasama ATM dan tentera luar negara. Artikel ini banyak mendedahkan keupayaan anggota dan asset terlibat yang sedikit sebanyak memberi gambaran kepada kami tentang peranan dan tanggungjawab anggota keselamatan. Namun demikian, ruangan ini perlu ditambah kerana ia merupakan salah satu tarikan majalah ini. **Shukairi bin Ibrahim, Ampang.**

Gambar kurang berkualiti

Saya tidak pernah terlepas mendapatkan majalah SAMUDERA pada setiap keluaran. Selain artikel yang menarik, gambar-gambar yang dipaparkan juga banyak memberi kesan kepada saya. Walau bagaimanapun, terdapat gambar yang kurang berkualiti yang sedikit sebanyak telah menjaskan tumpuan saya, mungkin juga kepada pembaca lain. Diharap majalah kesayangan saya ini akan terus dipertingkatkan supaya ia menjadi bahan bacaan yang hebat. **Mohd Rizal bin Sofian, Kuala Lumpur.**

Kami mengalu-alukan sebarang komen atau cadangan untuk menambahbaik penerbitan majalah ini di masa-masa akan datang. Surat terbaik yang dipilih akan menerima hadiah misteri sebagai tanda penghargaan di atas sokongan anda. Sila hantarkan komen atau cadangan anda ke:


Surat Pembaca
Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA
Bahagian Pengurusan Strategik
Markas Tentera Laut
Wisma Pertahanan
50634 KUALA LUMPUR



SYSTEM CONSULTANCY SERVICES SDN BHD

Your Thinking Company

System Consultancy Group of Companies:



Prestigious Discovery Sdn Bhd
(286874-W)

Telemetry and SCADA Systems



DK Composites Sdn Bhd
(448908-X)

Design and Fabrication of
Advanced Composites materials
for Architectural, Marine,
Automotive and Aerospace Industries



Digital Aura (M) Sdn Bhd
(308286-T)

Project Management Solutions



IBS Technology Sdn Bhd
(394181-H)

Intelligent Building and
Security Systems

Head Office:

System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)
No. 36 Jln Wangsa Delima 6 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur
Tel: +603 4149 1919 Fax: +603 4149 2121 Email: scshq@po.jaring.my
www.scs.my



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

